JUZU' KE-27

SURAH AN-NAJM

SURAH KE	سُورَةُ النَّجْمِ	JUMLAH AYAT
53	**SURAH AN-NAJM**	**62**
	Surah Bintang	
	(Makkiyah)	

سُورَةُ النَّجْمِ

SURAH AN-NAJM

Surah Bintang

(Makkiyah)

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

وَٱلنَّجْمِ إِذَا هَوَىٰ ﴿١﴾

مَا ضَلَّ صَاحِبُكُمْ وَمَا غَوَىٰ ﴿٢﴾

وَمَا يَنطِقُ عَنِ ٱلْهَوَىٰٓ ﴿٣﴾

إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْىٌ يُوحَىٰ ﴿٤﴾

عَلَّمَهُۥ شَدِيدُ ٱلْقُوَىٰ ﴿٥﴾

ذُو مِرَّةٍ فَٱسْتَوَىٰ ﴿٦﴾

وَهُوَ بِٱلْأُفُقِ ٱلْأَعْلَىٰ ﴿٧﴾

ثُمَّ دَنَا فَتَدَلَّىٰ ﴿٨﴾

فَكَانَ قَابَ قَوْسَيْنِ أَوْ أَدْنَىٰ ﴿٩﴾

فَأَوْحَىٰٓ إِلَىٰ عَبْدِهِۦ مَآ أَوْحَىٰ ﴿١٠﴾

مَا كَذَبَ ٱلْفُؤَادُ مَا رَأَىٰٓ ﴿١١﴾

أَفَتُمَٰرُونَهُۥ عَلَىٰ مَا يَرَىٰ ﴿١٢﴾

وَلَقَدْ رَءَاهُ نَزْلَةً أُخْرَىٰ ﴿١٣﴾

عِندَ سِدْرَةِ ٱلْمُنتَهَىٰ ﴿١٤﴾

عِندَهَا جَنَّةُ ٱلْمَأْوَىٰٓ ﴿١٥﴾

إِذْ يَغْشَى ٱلسِّدْرَةَ مَا يَغْشَىٰ ﴿١٦﴾

مَا زَاغَ ٱلْبَصَرُ وَمَا طَغَىٰ ﴿١٧﴾

لَقَدْ رَأَىٰ مِنْ ءَايَٰتِ رَبِّهِ ٱلْكُبْرَىٰٓ ﴿١٨﴾

أَفَرَءَيْتُمُ ٱللَّٰتَ وَٱلْعُزَّىٰ ﴿١٩﴾

"Demi bintang ketika ia menurun(1). Rakan kamu itu (Muhammad) tidak sekali-kali sesat dan tidak pula keliru(2). Dan dia tidak bercakap menurut hawa nafsunya(3). Percakapannya tidak lain melainkan wahyu yang diwahyukan kepadanya(4). Yang mengajarkan kepadanya ialah (Jibril) yang amat perkasa(5).Yang mempunyai kekuatan, lalu dia menjelma (kepada Muhammad dengan rupa asalnya)(6). Ketika dia berada di ufuk yang tertinggi(7). Kemudian dia mendekati (Muhammad) dan semakin dekat lagi(8). Dan jadilah sedekat duahujung busur panah atau lebih dekat lagi(9). Lalu dia (Jibril) mewahyukan kepada hamba-Nya apa yang Allah wahyukan kepadanya(10). Hati (Muhammad) tidak berdusta terhadap apa yang dilihatnya(11). Apakah wajar kamu membantahnya terhadap apa yang dilihatnya?(12). Dan sesungguhnya dia (Muhammad) telah melihatnya (Jibril dengan rupa asalnya) sekali lagi(13). Di Sidratul-Muntaha(14). Di mana terletaknya Syurga Jannatul-Ma'wa?(15). (Dia melihatnya) ketika Sidratul-Muntaha diliputi sesuatu yang meliputinya(16). Pandangan (Muhammad) tetap tidak beralih dan tidak pula melampaui batas(17). Sesungguhnya dia telah melihat sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Allah yang paling besar(18). Apakah wajar kamu menganggap al-Laat dan al-'Uzza?(19). Dan satu lagi Manat yang ketiganya (sebagai puteri-puteri Allah)"(20).

أَلَكُمُ ٱلذَّكَرُ وَلَهُ ٱلْأُنثَىٰ ﴿٢١﴾

تِلْكَ إِذًا قِسْمَةٌ ضِيزَىٰٓ ﴿٢٢﴾

إِنْ هِىَ إِلَّآ أَسْمَآءٌ سَمَّيْتُمُوهَآ أَنتُمْ وَءَابَآؤُكُم مَّآ أَنزَلَ ٱللَّهُ بِهَا مِن سُلْطَٰنٍ ۚ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَمَا تَهْوَى ٱلْأَنفُسُ ۖ وَلَقَدْ جَآءَهُم مِّن رَّبِّهِمُ ٱلْهُدَىٰٓ ﴿٢٣﴾

أَمْ لِلْإِنسَٰنِ مَا تَمَنَّىٰ ﴿٢٤﴾

فَلِلَّهِ ٱلْءَاخِرَةُ وَٱلْأُولَىٰ ﴿٢٥﴾

وَكَم مِّن مَّلَكٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ لَا تُغْنِى شَفَٰعَتُهُمْ شَيْـًٔا إِلَّا مِنۢ بَعْدِ أَن يَأْذَنَ ٱللَّهُ لِمَن يَشَآءُ وَيَرْضَىٰٓ ﴿٢٦﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ لَيُسَمُّونَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ تَسْمِيَةَ ٱلْأُنثَىٰ ﴿٢٧﴾

وَمَا لَهُم بِهِۦ مِنْ عِلْمٍ ۖ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ ۖ وَإِنَّ ٱلظَّنَّ لَا يُغْنِى مِنَ ٱلْحَقِّ شَيْـًٔا ﴿٢٨﴾

فَأَعْرِضْ عَن مَّن تَوَلَّىٰ عَن ذِكْرِنَا وَلَمْ يُرِدْ إِلَّا ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا ﴿٢٩﴾

ذَٰلِكَ مَبْلَغُهُم مِّنَ ٱلْعِلْمِ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ وَهُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ ٱهْتَدَىٰ ﴿٣٠﴾

"Apakah wajar untuk kamu anak lelaki dan untuk Allah anak perempuan?(21). Itu adalah satu pembahagian yang tidak adil(22). Semua (berhala-berhala) itu hanya nama-nama yang dinamakan kamu dan datuk nenek kamu sahaja, sedangkan Allah tidak menurunkan sebarang hujah yang membenarkannya. Mereka tidak lain melainkan hanya menurut sangkaan dan keinginan hawa nafsu sahaja, sedangkan hidayat telah pun datang kepada mereka dari Tuhan mereka(23). Apakah manusia memiliki kemampuan untuk mencapai segala apa yang dicitakannya?(24). Allahlah yang memiliki Akhirat dan dunia(25). Berapa ramaikah malaikat-malaikat di langit yang syafa'at mereka tidak mendatangkan sebarang faedah kecuali setelah Allah mengizinkan kepada siapa yang dikehendaki dan diredhai-Nya?(26). Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada Akhirat sahajalah yang tergamak menamakan malaikat-malaikat itu dengan nama perempuan(27). Sedangkan mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenainya. Mereka tidak lain melainkan hanya menurut sangkaan sahaja, dan sesungguhnya sangkaan itu tidak berguna sedikit pun untuk mengambil tempat kebenaran(28). Oleh itu, janganlah engkau (Muhammad) hiraukan mereka yang berpaling dari mengingati Kami dan tidak berkehendak melainkan kehidupan dunia semata-mata(29). Itulah sahaja kemuncak pencapaian ilmu pengetahuan mereka. Sesungguhnya Tuhanmu jualah yang lebih mengetahui tentang mereka yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah jua yang lebih mengetahui tentang mereka yang mendapat hidayat"(30).

وَلِلَّهِ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ لِيَجْزِىَ ٱلَّذِينَ أَسَٰٓـُٔوا۟ بِمَا عَمِلُوا۟ وَيَجْزِىَ ٱلَّذِينَ أَحْسَنُوا۟ بِٱلْحُسْنَى ﴿٣١﴾

ٱلَّذِينَ يَجْتَنِبُونَ كَبَٰٓئِرَ ٱلْإِثْمِ وَٱلْفَوَٰحِشَ إِلَّا ٱللَّمَمَ ۚ إِنَّ رَبَّكَ وَٰسِعُ ٱلْمَغْفِرَةِ ۚ هُوَ أَعْلَمُ بِكُمْ إِذْ أَنشَأَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ وَإِذْ أَنتُمْ أَجِنَّةٌ فِى بُطُونِ أُمَّهَٰتِكُمْ ۖ فَلَا تُزَكُّوٓا۟ أَنفُسَكُمْ ۖ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ ٱتَّقَىٰٓ ﴿٣٢﴾

أَفَرَءَيْتَ ٱلَّذِى تَوَلَّىٰ ﴿٣٣﴾

وَأَعْطَىٰ قَلِيلًا وَأَكْدَىٰٓ ﴿٣٤﴾

أَعِندَهُۥ عِلْمُ ٱلْغَيْبِ فَهُوَ يَرَىٰٓ ﴿٣٥﴾

"Dan Allah memiliki isi langit dan segala isi bumi (ini membolehkan-Nya) untuk mengenakan balasan kepada orang-orang yang melakukan kejahatan mengikut apa yang dilakukan mereka dan untuk memberi balasan yang sebaik-baiknya kepada orang yang melakukan kebaikan(31). Iaitu orang-orang yang menjauhi dosa-dosa yang besar dan perbuatan-perbuatan yang keji kecuali kesalahan-kesalahan yang kecil. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Luas keampunan-Nya. Dia lebih mengetahui keadaan kamu sejak Dia ciptakan kamu dari tanah dan sejak kamu berupa janin-janin di dalam perut-perut ibu-ibu kamu. Oleh itu janganlah kamu memuji-muji diri kamu sendiri. Allah sahaja yang lebih mengetahui tentang mereka yang bertaqwa(32). Tahukah engkau orang yang membelakangi (kebenaran)?(33). Dan hanya sanggup memberi sedikit sahaja kemudian memutuskan pemberiannya(34). Apakah dia mempunyai pengetahuan mengenai perkara-perkara yang ghaib sehingga dia mengetahui (apa yang akan berlaku)?"(35).

أَمْ لَمْ يُنَبَّأْ بِمَا فِى صُحُفِ مُوسَىٰ ﴿٣٦﴾

وَإِبْرَٰهِيمَ ٱلَّذِى وَفَّىٰٓ ﴿٣٧﴾

أَلَّا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ﴿٣٨﴾

وَأَن لَّيْسَ لِلْإِنسَٰنِ إِلَّا مَا سَعَىٰ ﴿٣٩﴾

وَأَنَّ سَعْيَهُۥ سَوْفَ يُرَىٰ ﴿٤٠﴾

ثُمَّ يُجْزَىٰهُ ٱلْجَزَآءَ ٱلْأَوْفَىٰ ﴿٤١﴾

وَأَنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ ٱلْمُنتَهَىٰ ﴿٤٢﴾

وَأَنَّهُۥ هُوَ أَضْحَكَ وَأَبْكَىٰ ﴿٤٣﴾

وَأَنَّهُۥ هُوَ أَمَاتَ وَأَحْيَا ﴿٤٤﴾

وَأَنَّهُۥ خَلَقَ ٱلزَّوْجَيْنِ ٱلذَّكَرَ وَٱلْأُنثَىٰ ﴿٤٥﴾

مِن نُّطْفَةٍ إِذَا تُمْنَىٰ ﴿٤٦﴾

وَأَنَّ عَلَيْهِ ٱلنَّشْأَةَ ٱلْأُخْرَىٰ ﴿٤٧﴾

وَأَنَّهُۥ هُوَ أَغْنَىٰ وَأَقْنَىٰ ﴿٤٨﴾

وَأَنَّهُۥ هُوَ رَبُّ ٱلشِّعْرَىٰ ﴿٤٩﴾

وَأَنَّهُۥٓ أَهْلَكَ عَادًا ٱلْأُولَىٰ ﴿٥٠﴾

وَثَمُودَا۟ فَمَآ أَبْقَىٰ ﴿٥١﴾

وَقَوْمَ نُوحٍ مِّن قَبْلُ ۖ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ هُمْ أَظْلَمَ وَأَطْغَىٰ ﴿٥٢﴾

وَٱلْمُؤْتَفِكَةَ أَهْوَىٰ ﴿٥٣﴾

فَغَشَّىٰهَا مَا غَشَّىٰ ﴿٥٤﴾

فَبِأَيِّ ءَالَآءِ رَبِّكَ تَتَمَارَىٰ ﴿٥٥﴾

هَٰذَا نَذِيرٌ مِّنَ ٱلنُّذُرِ ٱلْأُولَىٰٓ ﴿٥٦﴾

أَزِفَتِ ٱلْـَٔازِفَةُ ﴿٥٧﴾

لَيْسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ كَاشِفَةٌ ﴿٥٨﴾

أَفَمِنْ هَٰذَا ٱلْحَدِيثِ تَعْجَبُونَ ﴿٥٩﴾

وَتَضْحَكُونَ وَلَا تَبْكُونَ ﴿٦٠﴾

وَأَنتُمْ سَٰمِدُونَ ﴿٦١﴾

فَٱسْجُدُوا۟ لِلَّهِ وَٱعْبُدُوا۟ ۩ ﴿٦٢﴾

"Atau apakah dia belum lagi diberitahu tentang hukum yang telah dijelaskan di dalam lembaran-lembaran kitab Musa?(36). Dan lembaran-lembaran Ibrahim yang telah menyempurnakan tugas-tugasnya(37). Iaitu (hukum) bahawa seorang yang berdosa itu tidak akan memikul dosa orang lain(38). Dan bahawa seseorang itu tidak memperolehi balasan selain balasan dari amalan yang telah diusahakannya(39). Dan sesungguhnya segala usahanya akan diperlihatkan kepadanya(40).Kemudian usaha itu akan dibalas dengan balasan yang amat sempurna(41). Dan sesungguhnya kepada Tuhanmulah kesudahan segala sesuatu(42). Dan sesungguhnya Dialah yang menjadikan seseorang itu ketawa dan menangis(43). Dan sesungguhnya Dialah yang memati dan menghidupkan(44). Dan sesungguhnya Dialah yang menciptakan pasangan lelaki dan perempuan(45).Dari setitik nutfah apabila dipancutkan (46). Dan sesungguhnya Dialah yang menetapkan kebangkitan semula(47). Dan sesungguhnya Dialah yang memberi kekayaan dan harta simpanan(48). Dan sesungguhnya Dialah Tuhan bintang asy-Syi'ra(49). Dan sesungguhnya Dialah yang membinasakan kaum 'Ad yang pertama (kaum Nabi Hud)(50).Dan kaum Thamud (kaum Nabi Soleh) dan tiada seorang pun yang ditinggalkan hidup(51). Juga kaum Nuh sebelum itu, sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang lebih zalim dan lebih melampau lagi(52). Juga negeri Lut yang ditunggang-balikkan. Dialah yang mengangkatkannya ke angkasa dan menghempaskannya ke bumi(53). Lalu Dia selubungkannya dengan 'azab yang menyeluruh(54). Manakah satu di antara ni'mat-ni'mat Tuhanmu yang engkau ragui (wahai manusia)?(55). Inilah rasul pemberi peringatan seperti rasul-rasul yang pertama yang memberi peringatan(56).Masa Qiamat telah hampir(57). Tiada siapa yang dapat mendedahkan masanya selain Allah(58). Apakah kamu merasa hairan terhadap keterangan ini?(59). Dan kamu ketawa dan tidak menangis(60). Dan kamu terus lalai(61). Sujudlah kamu kepada Allah dan beribadatlah kepada-Nya"(62).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Keseluruhan surah ini merupakan sebuah lagu yang merdu. Dan kemerduannya mengalir dalam susunan kata-katanya dan akhir ungkapan-ungkapannya yang bersajak. Nampak jelas bahawa kemerduan itu memang dimaksudkan di dalam setengah-setengah ayat itu, di mana satu kata-kata ditambah dan satu sajak dipilih untuk menjaga keharmonian irama dan kehalusan nadanya, di samping maknanya yang dimaksudkan yang diungkapkan dalam ayat itu. Inilah kebiasaan ungkapan Al-Qur'an. Misalnya ungkapan:

أَفَرَءَيْتُمُ ٱللَّٰتَ وَٱلْعُزَّىٰ ﴿١٩﴾

وَمَنَوٰةَ ٱلثَّالِثَةَ ٱلْأُخْرَىٰٓ ﴿٢٠﴾

"Apakah wajar kamu menganggap al-Laat dan al-'Uzza?(19). Dan satu lagi Manat yang ketiganya (sebagai puteri-puteri Allah)."(20)

Jika dikatakan "مناة الأخرى" tentulah timbangan sajaknya rosak dan jika dikatakan "ومناة الثالثة" sahaja tentulah lumpuh irama sajaknya. Setiap kata-kata itu mempunyai nilainya dalam makna ungkapan itu, tetapi pemeliharaan timbangan atau kata sajak juga dijaga. Ini sama juga dengan kata-kata "إذًا" di dalam ungkapan:

أَلَكُمُ ٱلذَّكَرُ وَلَهُ ٱلْأُنثَىٰ ﴿٢١﴾

تِلْكَ إِذًا قِسْمَةٌ ضِيزَىٰٓ ﴿٢٢﴾

"Apakah wajar untuk kamu anak lelaki dan untuk Allah anak perempuan?(21). Itu adalah satu pembahagian yang tidak adil."(22)

Kata-kata "إذًا" di sini merupakan satu kata-kata yang perlu untuk memelihara timbangan kata-kata atau sajak walaupun kata-kata itu hanya memenuhi tujuan seni dalam ungkapan itu.

Nada ungkapan-ungkapan itu membawa sebuah lagu khusus, iaitu sebuah lagu yang dijaga alunan dan alirannya terutama di bahagian awal dan di bahagian akhir surah ini. Nada-nada ungkapan itu dengan alunan dan alirannya adalah serasi dengan gambaran-gambaran dan suasana-suasana bergerak di dalam bahagian yang pertama dan dengan makna-makna dan sentuhan-sentuhan mengenai perkara alam tinggi di dalam bahagian akhir, juga dengan bahagian di antara keduanya yang hampir sama dari segi suasana dan maudhu'.

Gambaran-gambaran dan suasana-suasana dalam bahagian pertama adalah terpancar dari alam tinggi, di mana berlakunya peristiwa-peristiwa nurani dan pemandangan-pemandangan nurani yang diceritakan oleh bahagian ini, juga terpancar dari harakat roh al-Amin atau Jibril yang bebas yang menjelmakan dirinya kepada Rasulullah s.a.w., kemudian gambaran-gambaran, suasana-suasana, harakat-harakat,

pemandangan-pemandangan dan keadaan kerohanian itu bercampur dan berpadu dengan nada-nada ungkapan dalam bentuk yang serasi yang melahirkan lagu yang menarik. Kemudian keharuman bau itu menyelubungi suasana seluruh surah itu dan meninggalkan kesan-kesannya di dalam bahagian-bahagian selanjutnya. Dan pada akhirnya surah itu diakhiri dengan seruan yang amat mendalam kesannya dan menyebabkan setiap zarrah dari diri manusia menggelentar menyahut seruan itu.

******

Pokok pembicaraan yang diterangkan oleh surah ini ialah pokok pembicaraan yang biasa diterangkan oleh Surah-surah Makkiyah, iaitu pembicaraan 'aqidah dengan maudhu'-maudhu' utamanya: Wahyu, sifat Wahdaniyah Allah dan Akhirat. Surah ini membicarakan maudhu' itu dari satu aspek yang tertentu yang dituju untuk menjelaskan kebenaran wahyu yang membawa agama ini, juga menjelaskan kelemahan syirik dan asas-asasnya yang karut dan bertentangan.

Bahagian yang pertama surah ini bertujuan menerangkan hakikat wahyu dan tabiatnya sambil menayangkan dua pemandangan di antara pemandangan-pemandangannya, dan menegakkan kesahihan dan kebenarannya di bawah bayangan dua pemandangan itu, dan seterusnya menegaskan bahawa penerimaan wahyu oleh Rasulullah s.a.w. itu adalah penerimaan dengan penglihatan mata kepala, penerimaan dengan hati-hati dan hemat, penerimaan yang ditunjukkan kepadanya tanda-tanda kebesaran Allah yang paling besar.

Dalam bahagian yang kedua surah ini Al-Qur'an memperkatakan tentang tuhan-tuhan yang didakwakan mereka iaitu al-Laat, al-'Uzza dan al-Manat, juga kepercayaan-kepercayaan mereka yang karut mengenai malaikat dan dongeng-dongeng mereka yang mengatakan malaikat-malaikat itu puteri-puteri Allah, dan bagaimana mereka tegakkan dakwaan-dakwaan itu dengan hanya berpegang kepada sangkaan semata-mata, sedangkan sangkaan itu tidak berguna sedikit pun untuk mengambil tempat kebenaran, dan sedangkan Rasulullah s.a.w. menyeru mereka kepada 'aqidah Islam yang diterimanya dengan yakin dan dengan penglihatan mata kepala.

Bahagian yang ketiga mengajar Rasulullah s.a.w. supaya jangan menghiraukan mereka yang membelakangi Zikrullah dan hanya sibuk dengan kehidupan dunia sahaja. Mereka berhenti setakat itu sahaja dan tidak mengetahui sesuatu apa pun di sebaliknya. Bahagian ini juga memberi isyarat kepada kehidupan Akhirat di mana diadakan balasan terhadap amalan-amalan manusia berdasarkan ilmu Allah yang mengetahui segala keadaan diri mereka sejak Dia ciptakan mereka dari tanah dan sejak mereka masih berupa janin di dalam perut ibu-ibu mereka lagi. Allah lebih mengetahui rahsia diri mereka dari diri mereka sendiri. Berdasarkan ilmu Allah yang yakin inilah mereka dihisab dan dibalas, dan mereka menerima nasib mereka di penghabisan perjalanan hidup mereka.

Bahagian yang keempat dan yang akhir memperkatakan dasar-dasar 'aqidah dari sejak Rasul-Rasul di zaman purbakala iaitu dasar-dasar tanggungjawab individu, dasar kehalusan hisab, dasar keadilan balasan, dasar berakhir dan kembalinya seluruh makhluk kepada Allah yang mengendalikan seluruh urusan mereka mengikut kehendak iradat-Nya yang bebas. Dan setelah menarik perhatian kita kepada peristiwa-peristiwa kebinasaan kaum-kaum yang mendustakan agama Allah, maka surah ini ditamatkan dengan pengumuman akhir:

هَٰذَا نَذِيرٌ مِّنَ ٱلنُّذُرِ ٱلْأُولَىٰٓ ٥٦

أَزِفَتِ ٱلْءَازِفَةُ ٥٧

لَيْسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ كَاشِفَةٌ ٥٨

أَفَمِنْ هَٰذَا ٱلْحَدِيثِ تَعْجَبُونَ ٥٩

وَتَضْحَكُونَ وَلَا تَبْكُونَ ٦٠

وَأَنتُمْ سَٰمِدُونَ ٦١

فَٱسْجُدُوا۟ لِلَّهِ وَٱعْبُدُوا۟ ۩ ٦٢

"Inilah Rasul pemberi peringatan seperti rasul-rasul yang pertama memberi peringatan(56). Masa Qiamat telah hampir(57). Tiada siapa yang dapat mendedahkan masanya selain Allah(58). Adakah kamu merasa hairan terhadap keterangan ini?(59). Dan kamu ketawa dan tidak menangis(60). Dan Kamu terus lalai(61). Sujudlah kamu kepada Allah dan beribadatlah kepadanya."(62)

Di sinilah bertemunya permulaan surah dengan penghabisannya dalam saranan, gambaran-gambaran, bayangan dan kenyataan umum.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 18)

وَٱلنَّجْمِ إِذَا هَوَىٰ ١

مَا ضَلَّ صَاحِبُكُمْ وَمَا غَوَىٰ ٢

وَمَا يَنطِقُ عَنِ ٱلْهَوَىٰٓ ٣

إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْىٌ يُوحَىٰ ٤

عَلَّمَهُۥ شَدِيدُ ٱلْقُوَىٰ ٥

"Demi bintang ketika ia menurun(1). Rakan kamu itu (Muhammad) tidak sekali-kali sesat dan tidak pula keliru(2). Dan dia tidak bercakap menurut hawa nafsunya(3). Percakapannya tidak lain melainkan wahyu yang diwahyukan

kepadanya(4). Yang mengajarkan kepadanya ialah (Jibril) yang amat perkasa."(5).

ذُو مِرَّةٍ فَٱسۡتَوَىٰ ٦

وَهُوَ بِٱلۡأُفُقِ ٱلۡأَعۡلَىٰ ٧

ثُمَّ دَنَا فَتَدَلَّىٰ ٨

فَكَانَ قَابَ قَوۡسَيۡنِ أَوۡ أَدۡنَىٰ ٩

فَأَوۡحَىٰٓ إِلَىٰ عَبۡدِهِۦ مَآ أَوۡحَىٰ ١٠

"Yang mempunyai kekuatan, lalu dia menjelma (kepada Muhammad dengan rupa asalnya)(6). Ketika dia berada di ufuk yang tertinggi(7). Kemudian dia mendekati (Muhammad) dan semakin dekat lagi(8). Dan jadilah sedekat duahujung busur panah atau lebih dekat lagi(9). Lalu dia (Jibril) mewahyukan kepada hamba-Nya apa yang Allah wahyukan kepadanya."(10).

مَا كَذَبَ ٱلۡفُؤَادُ مَا رَأَىٰٓ ١١

أَفَتُمَٰرُونَهُۥ عَلَىٰ مَا يَرَىٰ ١٢

وَلَقَدۡ رَءَاهُ نَزۡلَةً أُخۡرَىٰ ١٣

عِندَ سِدۡرَةِ ٱلۡمُنتَهَىٰ ١٤

عِندَهَا جَنَّةُ ٱلۡمَأۡوَىٰٓ ١٥

"Hati (Muhammad) tidak berdusta terhadap apa yang dilihatnya(11). Apakah wajar kamu membantahnya terhadap apa yang dilihatnya?(12). Dan sesungguhnya dia (Muhammad) telah melihatnya (Jibril dengan rupa asalnya) sekali lagi(13). Di Sidratul-Muntaha(14). Di mana terletaknya Syurga Jannatul-Ma'wa?"(15).

إِذۡ يَغۡشَى ٱلسِّدۡرَةَ مَا يَغۡشَىٰ ١٦

مَا زَاغَ ٱلۡبَصَرُ وَمَا طَغَىٰ ١٧

لَقَدۡ رَأَىٰ مِنۡ ءَايَٰتِ رَبِّهِ ٱلۡكُبۡرَىٰٓ ١٨

"(Dia melihatnya) ketika Sidratul-Muntaha diliputi sesuatu yang meliputinya(16). Pandangan (Muhammad) tetap tidak beralih dan tidak pula melampaui batas(17). Sesungguhnya dia telah melihat sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Allah yang paling besar."(18).

Dalam bahagian ini kita dapat menghayati detik-detik waktu di ufuk yang gemilang dan luas saujana di mana hidupnya hati Nabi Muhammad s.a.w., dan di mana kita ikut terbang dengan sayap-sayap nurani ke pekarangan alam al-Mala'ul-A'la mendengar nada ayat-ayat Al-Qur'an yang lemah-lembut yang berkumandang dalam irama ungkapan, bayangan dan saranannya.

Kita menghayati detik-detik waktu itu bersama hati Nabi Muhammad s.a.w., di mana segala hijab dan tabir telah diangkat dan disingkapkan di mana beliau menerima wahyu itu dari Jibril malaikat tertinggi, mendengar bacaannya dan melihat rupanya dan menghafaz apa yang diingatinya. Itulah detik-detik ni'mat yang agung yang dikurniakan Allah khusus kepada hati Rasul-Nya yang bersih. Tetapi oleh kerana Allah mahu mengurniakan ni'mat itu kepada hamba-hamba-Nya yang lain, maka Dia mencerita detik-detik yang agung itu kepada mereka dengan penceritaan yang begitu menarik, Dia memindahkan segala gema peristiwa itu, segala bayangannya dan segala saranannya ke dalam hati mereka. Dia mencerita kisah pengembaraan hati Rasul yang suci ke pekarangan alam al-Mala'ul-A'la, dia gambarkannya selangkah demi selangkah, pemandangan demi pemandangan, keadaan demi keadaan sehingga seolah-olah mereka menyaksikannya dengan mata kepala mereka sendiri.

Penceritaan yang menarik itu dimulakan dengan sumpah Allah S.W.T. dengan bintang-bintang yang bergerak menurun. Harakat cahaya bintang yang berkedip-kedip dan harakat bintang itu bergerak menurun hampir ke bumi sama dengan pemandangan malaikat Jibril yang berada di ufuk yang tertinggi kemudian perlahan-lahan mendekati Rasulullah s.a.w., kemudian semakin dekat sehingga berada dalam jarak sedekat di antara dua hujung busur panah atau lebih dekat lagi, dan ketika itu dia menyampaikan wahyu Allah kepada Rasulullah s.a.w. yang telah diwahyukan kepadanya. Demikianlah keseimbangan dan keserasian pada pemandangan harakat, suasana dan nada itu berlangsung sejak detik pertama penceritaan itu lagi.

وَٱلنَّجۡمِ إِذَا هَوَىٰ ١

"Demi bintang ketika ia menurun."(1)

Bintang Asy-Syi'ra

Berbagai-bagai tafsiran telah diriwayatkan mengenai bintang yang dimaksudkan di dalam sumpah ini. Yang lebih dekat difaham ialah bintang yang dimaksudkan itu ialah bintang asy-Syi'ra (Sirius[1]) yang disembah oleh setengah-setengah golongan iaitu bintang yang disebut dalam surah ini dalam ayat 49. Bintang ini mendapat perhatian yang besar di kalangan manusia purbakala. Di antara yang diketahui umum ialah orang-orang Mesir purbakala menandakan waktu banjir Sungai Nil dengan lalunya bintang asy-Syi'ra ini di falaknya yang tertinggi, oleh kerana itu pergerakan bintang ini sentiasa diperhatikan mereka, di samping itu bintang ini juga mempunyai kedudukan istimewa di dalam dongeng bangsa Parsi dan dongeng-dongeng bangsa Arab. Oleh itu tafsiran yang lebih dekat difaham ialah

---

[1] *Bintang Sirius adalah bintang paling terang yang boleh dilihat pada waktu malam - penterjemah.*

bintang yang diisyaratkan oleh ayat ini ialah bintang asy-Syi'ra. Pilihan pemandangan bintang asy-Syi'ra yang bergerak menurun itu adalah dimaksudkan untuk menggambarkan keserasian dan keseimbangan yang telah diterangkan tadi, juga dimaksudkan untuk menyarankan bahawa bintang-bintang itu biarpun bagaimana besar jirimnya namun ia juga bergerak menurun dan berubah tempatnya, kerana itu ia tidak layak menjadi Tuhan yang disembah, kerana sifat Tuhan yang disembah itu ialah kemantapan, iaitu tetap tinggi dan tetap tidak berubah.

Itulah tafsiran sumpah. Dan perkara yang hendak ditegaskan Allah dengan sumpah itu ialah perkara hubungan Rasulullah s.a.w. dengan Al-Qur'an yang diwahyukan kepadanya:

مَا ضَلَّ صَاحِبُكُمْ وَمَا غَوَىٰ ﴿٢﴾

وَمَا يَنطِقُ عَنِ ٱلْهَوَىٰٓ ﴿٣﴾

إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْىٌ يُوحَىٰ ﴿٤﴾

"Rakan kamu itu (Muhammad) tidak sekali-kali sesat dan tidak pula keliru(2). Dan dia tidak bercakap menurut hawa nafsunya(3). Percakapannya tidak lain melainkan wahyu yang diwahyukan kepadanya."(4)

Penjelmaan Pertama Dan Yang Kedua Malaikat Jibril Kepada Nabi Muhammad S.A.W. Dengan Rupa Asalnya

Maksudnya, rakan kamu itu adalah seorang yang mendapat hidayat bukannya seorang yang sesat dan bukannya seorang yang terkeliru. Dia seorang yang ikhlas bukannya seorang yang memperjuangkan sesuatu kepentingan. Dia menyampaikan kebenaran dari Allah bukannya menyampaikan kekarutan, bukannya mereka-rekakan perkara yang dusta dan bukan pula membawa perkara-perkara yang diada-adakan begitu sahaja. Dia bukan bercakap mengikut nafsu, malah apa yang dicakapkannya adalah wahyu Allah yang disampaikan kepadanya. Dia menyampaikan kepada kamu apa yang diwahyukan kepadanya dengan benar dan amanah.

Dan penyampai yang menyampaikan wahyu Allah kepadanya itu adalah malaikat yang terkenal, yang dilihat sendiri oleh Rasulullah s.a.w. dengan mata kepala dan hatinya, bukannya dia terperasan dan terkeliru pandangannya:

عَلَّمَهُۥ شَدِيدُ ٱلْقُوَىٰ ﴿٥﴾

ذُو مِرَّةٍ فَٱسْتَوَىٰ ﴿٦﴾

وَهُوَ بِٱلْأُفُقِ ٱلْأَعْلَىٰ ﴿٧﴾

ثُمَّ دَنَا فَتَدَلَّىٰ ﴿٨﴾

فَكَانَ قَابَ قَوْسَيْنِ أَوْ أَدْنَىٰ ﴿٩﴾

فَأَوْحَىٰٓ إِلَىٰ عَبْدِهِۦ مَآ أَوْحَىٰ ﴿١٠﴾

مَا كَذَبَ ٱلْفُؤَادُ مَا رَأَىٰٓ ﴿١١﴾

أَفَتُمَٰرُونَهُۥ عَلَىٰ مَا يَرَىٰ ﴿١٢﴾

"Yang mengajarkan kepadanya ialah (Jibril) yang amat perkasa(5). Yang mempunyai kekuatan, lalu dia menjelma (kepada Muhammad dengan rupa asalnya)(6). Ketika dia berada di ufuk yang tertinggi(7). Kemudian dia mendekati (Muhammad) dan semakin dekat lagi(8).Dan jadilah sedekat dua hujung busur panah atau lebih dekat lagi(9). Lalu dia (Jibril) mewahyukan kepada hamba-Nya apa yang Allah wahyukan kepadanya(10). Hati (Muhmmad) tidak berdusta terhadap apa yang dilihatnya(11). Apakah wajar kamu membantahnya terhadap apa yang dilihatnya."(12)

Malaikat **"yang amat perkasa, yang mempunyai kekuatan"** ialah Jibril a.s. Dialah yang menyampaikan kepada rakan kamu (Muhammad) wahyu Allah yang telah disampaikan kepada kamu itu. Detik-detik kedatangannya untuk menyampaikan wahyu itu telah disaksikan dengan jelas. Mula-mula dia menjelma di ufuk yang tertinggi, di sanalah dia dilihat oleh Muhammad s.a.w. Ini ialah pada permulaan diturunkan wahyu kepadanya. Ketika itu beliau melihatnya dengan rupa aslinya yang amat besar tersergam melindungi ufuk, kemudian dia perlahan-lahan turun mendekati Rasulullah s.a.w hingga berada di dalam jarak yang amat dekat, iaitu sedekat dua hujung busur panah atau lebih dekat lagi. Inilah ungkapan untuk menyatakan jarak yang paling dekat.

فَأَوْحَىٰٓ إِلَىٰ عَبْدِهِۦ مَآ أَوْحَىٰ ﴿١٠﴾

"Lalu dia (Jibril) mewahyukan kepada hamba-Nya apa yang Allah wahyukan kepadanya."(10)

Ungkapan ini begitu ringkas tetapi mengandungi erti yang begitu hebat dan besar. Ia merupakan satu penglihatan dari jarak yang amat dekat setelah dilihatnya dari jarak yang jauh. Ia merupakan penyampaian wahyu dan pengajaran Ilahi, ia merupakan peristiwa yang disaksikan dengan mata kepala dan penuh keyakinan. Tiada sebarang keliru dalam penglihatan itu dan tiada sebarang ruang untuk dipertikaikan penglihatan itu:

مَا كَذَبَ ٱلْفُؤَادُ مَا رَأَىٰٓ ﴿١١﴾

أَفَتُمَٰرُونَهُۥ عَلَىٰ مَا يَرَىٰ ﴿١٢﴾

"Hati (Muhammad) tidak berdusta terhadap apa yang dilihatnya(11). Apakah wajar kamu membantahnya terhadap apa yang dilihatnya."(12)

Dan penglihatan mata hati nurani itu lebih benar dan meyakinkan lagi, kerana penglihatan mata hati nurani itu menolak kekeliruan penglihatan mata kepala. Beliau telah melihat Jibril dengan matanya sendiri dan yakinkan hatinya bahawa yang dilihatnya itu ialah malaikat, pembawa wahyu dan utusan Tuhanmu yang dihantarkan kepadanya untuk mengajarnya dan menugaskannya supaya menyampaikan kepada manusia apa yang telah

diajarkan kepadanya. Tiada ruang lagi untuk sebarang pertikaian setelah hati mendapat keyakinan.

Ini bukanlah kali yang tunggal beliau melihat Jibril, malah beliau melihatnya berulang-ulang kali:

وَلَقَدْ رَءَاهُ نَزْلَةً أُخْرَىٰ ﴿١٣﴾

عِندَ سِدْرَةِ ٱلْمُنتَهَىٰ ﴿١٤﴾

عِندَهَا جَنَّةُ ٱلْمَأْوَىٰٓ ﴿١٥﴾

إِذْ يَغْشَى ٱلسِّدْرَةَ مَا يَغْشَىٰ ﴿١٦﴾

مَا زَاغَ ٱلْبَصَرُ وَمَا طَغَىٰ ﴿١٧﴾

لَقَدْ رَأَىٰ مِنْ ءَايَٰتِ رَبِّهِ ٱلْكُبْرَىٰٓ ﴿١٨﴾

"Dan sesungguhnya dia (Muhammad) telah melihatnya (Jibril dengan rupa asalnya) sekali lagi(13). Di Sidratul-Muntaha(14). Di mana terletaknya Syurga Jannatul-Ma'wa?(15). (Dia melihatnya) ketika Sidratul-Muntaha diliputi sesuatu yang meliputinya(16). Pandangan (Muhammad) tetap tidak beralih dan tidak pula melampaui batas(17). Sesungguhnya dia telah melihat sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Allah yang paling besar."(18)

Kali ini berlaku pada malam Israk dan Mi'raj berdasarkan riwayat-riwayat yang kuat. Jibril sekali lagi telah mendekati Rasulullah s.a.w. dengan rupa aslinya yang diciptakan Allah di Sidratul-Muntaha. Kata-kata **Sidrat** bererti pokok bidara dan **Sidratul-Muntaha** bererti bidara penghabisan, dan ini mungkin bermaksud bahawa ia merupakan batas penghabisan perjalanan, di mana terletaknya **Jannatul-Ma'wa** atau maksudnya ia merupakan pangkalan penghabisan perjalanan Mi'raj Rasulullah s.a.w. atau tempat berakhirnya Jibril menemani Rasulullah s.a.w. Di sinilah dia berhenti sedangkan beliau terus naik sedarjah lagi lebih dekat kepada Arasy Tuhannya. Semuanya ini merupakan salah satu dari perkara-perkara ghaib yang hanya diketahui oleh Allah sahaja yang telah memperlihatkan kepada hamba pilihan-Nya. Hanya sekadar inilah sahaja yang dijelaskan kepada kita. Semuanya adalah perkara yang di luar keupayaan kita untuk mengetahui keadaannya yang sebenar. Manusia tidak dapat memahaminya melainkan dengan kehendak iradat Allah selaku Penciptanya dan Pencipta para malaikat Yang Maha Mengetahui dengan ciri-ciri manusia dan ciri-ciri malaikat.

Kemudian Al-Qur'an menyebut suasana yang wujud semasa Rasulullah s.a.w. melihat Jibril di Sidratul-Muntaha yang menambahkan lagi keyakinan:

إِذْ يَغْشَى ٱلسِّدْرَةَ مَا يَغْشَىٰ ﴿١٦﴾

"(Dia melihatnya) ketika Sidratul-Muntaha diliputi sesuatu yang meliputinya."(16)

Sekadar inilah sahaja yang diterangkan Al-Qur'an tanpa memperincikannya atau tanpa menentukannya kerana ia merupakan sesuatu yang terlalu besar dan terlalu agung untuk disifatkan dan ditentukannya.

Segala apa yang dilihatnya itu adalah benar dan yakin:

"Pandangan (Muhammad) tetap tidak beralih dan tidak pula melampaui batas."(17)

Maksudnya, apa yang dilihat oleh Rasulullah s.a.w. bukannya pandangan dari kesilauan mata dan bukan pula pandangan yang keterlaluan, malah pandangan yang amat jelas yang tidak diragu-ragukan lagi. Di sana Rasulullah s.a.w. telah melihat tanda-tanda kekuasaan Tuhannya yang paling besar, dan di sana hatinya telah menyaksi hakikat yang terbuka dengan sejelas-jelasnya.

Jadi, penyampaian wahyu Allah itu merupakan satu peristiwa yang disaksikan dengan mata kepala, peristiwa yang benar dan yakin, dan peristiwa perhubungan secara langsung, pengenalan yang pasti, pemergian bersama yang benar dengan Jibril dan perjalanan Mi'raj yang benar dengan segala perinciannya. Di atas keyakinan inilah tegaknya da'wah rakan kamu (Muhammad) yang kamu ingkar dan dustakannya, dan yang kamu ragukan kebenaran wahyu yang diturunkan kepadanya. Rakan kamu itu adalah seorang yang memang dikenali kamu. Dia seorang yang telah kamu ujikan kejujurannya. Dia bukan seorang yang asing dari kamu sehingga kamu tidak mengetahuinya. Allah telah menyatakan kebenarannya dan bersumpah bahawa dia itu benar, dan seterusnya Allah menceritakan kepada kamu bagaimana cara disampaikan wahyu kepadanya, bagaimana suasananya dan siapakah yang menyampaikannya? Dan bagaimana malaikat yang menjadi utusan perantaraan itu bertemu dengan beliau dan bagaimana beliau melihatnya?

******

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 28)

Da'wah Muhammad s.a.w. kepada mereka adalah da'wah yang diyakini kebenarannya, tetapi bagaimana dengan kepercayaan mereka pula? Apakah asas-asas amalan ibadat mereka, tuhan-tuhan mereka dan dongeng-dongeng mereka? Di atas asas apakah mereka menyembah al-Laat, al-'Uzza dan al-Manat? Apakah asas-asas dakwaan mereka yang karut bahawa berhala-berhala itu malaikat, dan malaikat itu puteri Allah? Dan bahawa malaikat-malaikat itu dapat memberi syafa'at kepada mereka di sisi Allah? Apakah buktinya? Apakah hujahnya? Apakah alasan yang mereka tegakkan kepercayaan-kepercayaan yang karut ini? Inilah persoalan-persoalan yang dibicarakan di dalam bahagian yang kedua surah ini:

أَفَرَءَيۡتُمُ ٱللَّٰتَ وَٱلۡعُزَّىٰ ١٩

وَمَنَوٰةَ ٱلثَّالِثَةَ ٱلۡأُخۡرَىٰٓ ٢٠

أَلَكُمُ ٱلذَّكَرُ وَلَهُ ٱلۡأُنثَىٰ ٢١

تِلۡكَ إِذٗا قِسۡمَةٞ ضِيزَىٰٓ ٢٢

إِنۡ هِيَ إِلَّآ أَسۡمَآءٞ سَمَّيۡتُمُوهَآ أَنتُمۡ وَءَابَآؤُكُم مَّآ أَنزَلَ ٱللَّهُ بِهَا مِن سُلۡطَٰنٍۚ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَمَا تَهۡوَى ٱلۡأَنفُسُۖ وَلَقَدۡ جَآءَهُم مِّن رَّبِّهِمُ ٱلۡهُدَىٰٓ ٢٣

أَمۡ لِلۡإِنسَٰنِ مَا تَمَنَّىٰ ٢٤

فَلِلَّهِ ٱلۡأٓخِرَةُ وَٱلۡأُولَىٰ ٢٥

وَكَم مِّن مَّلَكٖ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ لَا تُغۡنِي شَفَٰعَتُهُمۡ شَيۡـًٔا إِلَّا مِنۢ بَعۡدِ أَن يَأۡذَنَ ٱللَّهُ لِمَن يَشَآءُ وَيَرۡضَىٰٓ ٢٦

إِنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ بِٱلۡأٓخِرَةِ لَيُسَمُّونَ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةَ تَسۡمِيَةَ ٱلۡأُنثَىٰ ٢٧

وَمَا لَهُم بِهِۦ مِنۡ عِلۡمٍۖ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّۖ وَإِنَّ ٱلظَّنَّ لَا يُغۡنِي مِنَ ٱلۡحَقِّ شَيۡـٔٗا ٢٨

"Apakah wajar kamu menganggap al-Laat dan al-'Uzza?(19). Dan satu lagi Manat yang ketiganya (sebagai puteri-puteri Allah)(20). Apakah wajar untuk kamu anak lelaki dan untuk Allah anak perempuan?(21). Itu adalah satu pembahagian yang tidak adil(22). Semua (berhala-berhala) itu hanya nama-nama yang dinamakan kamu dan datuk nenek kamu sahaja, sedangkan Allah tidak menurunkan sebarang hujah yang membenarkannya. Mereka tidak lain melainkan hanya menurut sangkaan dan keinginan hawa nafsu sahaja, sedangkan hidayat telah pun datang kepada mereka dari Tuhan mereka(23). Apakah manusia memiliki kemampuan untuk mencapai segala apa yang dicitakannya?(24). Allahlah yang memiliki Akhirat dan dunia(25). Berapa ramaikah malaikat-malaikat di langit yang syafa'at mereka tidak mendatangkan sebarang faedah kecuali setelah Allah mengizinkan kepada siapa yang dikehendaki dan diredhai-Nya?(26). Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada Akhirat sahajalah yang tergamak menamakan malaikat-malaikat itu dengan nama perempuan(27). Sedangkan mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenainya. Mereka tidak lain melainkan hanya menurut sangkaan sahaja, dan sesungguhnya sangkaan itu tidak berguna sedikit pun untuk mengambil tempat kebenaran"(28).

Dongeng-dongeng Al-Laat, Al-'Uzza Dan Al-Manat, Juga Dongeng Malaikat Sebagai Puteri Allah

Al-Laat ialah sebuah batu putih yang berukir yang ditempatkan di sebuah rumah di Ta'if dihiasi dengan tabir-tabir dan dijaga oleh penjaga-penjaganya dan di sekeliling rumah itulah terletaknya kawasan suci yang dimuliakan di sisi penduduk-penduduk Ta'if iaitu suku Thaqif dan pengikut-pengikutnya. Mereka berbangga-bangga dengan al-Laat di atas suku-suku Arab yang lain dari suku Quraisy, kerana suku Quraisy mempunyai rumah Ka'bah yang dibina oleh Nabi Ibrahim a.s. Menurut anggapan mereka, nama al-Laat itu ialah kata-kata nama perempuan bagi kata-kata nama "Allah" S.W.T.

Al-'Uzza pula ialah sebatang pokok kayu yang dibinakan di atasnya sebuah rumah yang dihiasi dengan tabir-tabir. Ia terletak di Nakhlah[2] di antara Makkah dan Ta'if, ia dimuliakan oleh suku Quraisy. Abu Sufyan pernah berkata pada hari Peperangan Uhud: "Kita mempunyai tuhan 'Uzza, sedangkan mereka tidak mempunyai tuhan 'Uzza." Lalu Rasulullah s.a.w. berkata: "Katakanlah kepada mereka, Allah itulah Pelindung kami dan tiada sebarang pelindung untuk kamu." Menurut anggapan mereka nama al-'Uzza itu ialah kata-kata nama perempuan bagi kata-kata al-'Aziz."

Berhala al-Manat pula terletak di al-Musyallal[3] dekat Qudayd[4] di antara Makkah dan Madinah. Ia disembahkan oleh suku Khuza'ah dan 'Aus dan Khazraj di zaman jahiliyah dan darinya dimulakan perjalanan berkunjung ke Ka'bah.

Di Semenanjung Tanah Arab terdapat bermacam-macam berhala yang dipuja oleh berbagai-bagai suku Arab, dan yang terbesarnya ialah tiga berhala yang tersebut tadi.

Sembahan-sembahan ini adalah dipercayai sebagai lambang-lambang bagi malaikat yang dianggapkan orang-orang Arab dari jenis perempuan, dan menurut mereka malaikat-malaikat itu adalah puteri-puteri Allah dan kerana itulah malaikat-malaikat itu disembah mereka. Satu hal yang biasa berlaku ialah manusia selalu lupakan asal-usul sesuatu dongeng, kemudian lama kelamaan lambang-lambang itu sendiri menjadi tuhan-tuhan yang disembah orang ramai. Hanya segelintir manusia yang 'arif sahaja yang ingatkan asal-usul dongeng itu.

Allah menyebut ketiga-tiga sembahan itu dalam bentuk pertanyaan yang mengandungi sindiran ta'jub kerana perbuatan mereka menyembah berhala-berhala itu:

أَفَرَءَيۡتُمُ ٱللَّٰتَ وَٱلۡعُزَّىٰ ١٩

وَمَنَوٰةَ ٱلثَّالِثَةَ ٱلۡأُخۡرَىٰٓ ٢٠

---

2 نخلة
3 المشلل
4 قديد

"Apakah wajar kamu menganggap al-Laat dan al-'Uzza?(19). Dan satu lagi Manat yang ketiganya (sebagai puteri-puteri Allah)?"(20)

Pernyataan kehairanan dan kecaman amat jelas pada kata pembukaan pertanyaan "أفرأيتم".

أَفَرَءَيۡتُمُ ٱللَّٰتَ وَٱلۡعُزَّىٰ ﴿١٩﴾

"Apakah wajar kamu menganggap al-Laat dan al-'Uzza?"(19)

Setelah Allah sebutkan sembahan-sembahan itu, Dia iringi pula dengan kecaman yang mencela dakwaan mereka bahawa Allah mempunyai anak-anak perempuan, sedangkan mereka mempunyai anak-anak lelaki:

أَلَكُمُ ٱلذَّكَرُ وَلَهُ ٱلۡأُنثَىٰ ﴿٢١﴾

تِلۡكَ إِذٗا قِسۡمَةٞ ضِيزَىٰٓ ﴿٢٢﴾

"Apakah wajar untuk kamu anak lelaki dan untuk Allah anak perempuan?(21). Itu adalah satu pembahagian yang tidak adil."(22)

Ini menunjukkan bahawa sembahan-sembahan ini mempunyai hubungan dengan dongeng keperempuanan malaikat yang didakwakan sebagai puteri-puteri Allah, dan ini menguatkan lagi pendapat kami yang telah kami sebutkan tadi. Mereka sendiri tidak suka mendapat anak perempuan, namun demikian mereka tergamak mengatakan malaikat-malaikat itu perempuan, sedangkan mereka tidak mengetahui sedikit pun tentang malaikat itu hingga meyakinkan mereka bahawa malaikat-malaikat itu benar-benar perempuan dan kemudian mendakwa pula bahawa malaikat-malaikat itu puteri-puteri Allah.

Di sini Allah mengecam kepercayaan dan dongeng mereka yang karut dan menyindir mereka:

أَلَكُمُ ٱلذَّكَرُ وَلَهُ ٱلۡأُنثَىٰ ﴿٢١﴾

"Apakah wajar untuk kamu anak lelaki dan untuk Allah anak Perempuan?"(21)

Ini adalah satu pembahagian yang tidak adil yang kamu lakukan di antara diri kamu dengan Allah:

تِلۡكَ إِذٗا قِسۡمَةٞ ضِيزَىٰٓ ﴿٢٢﴾

"Itu adalah satu pembahagian yang tidak adil."(22)

Persoalan ini adalah satu persoalan yang karut yang tidak berasaskan ilmu pengetahuan dan kenyataan, dan tidak mempunyai sebarang hujah dan bukti:

إِنۡ هِيَ إِلَّآ أَسۡمَآءٞ سَمَّيۡتُمُوهَآ أَنتُمۡ وَءَابَآؤُكُم مَّآ أَنزَلَ ٱللَّهُ بِهَا مِن سُلۡطَٰنٍۚ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَمَا تَهۡوَى ٱلۡأَنفُسُۖ وَلَقَدۡ جَآءَهُم مِّن رَّبِّهِمُ ٱلۡهُدَىٰٓ ﴿٢٣﴾

"Semua (berhala-berhala) itu hanya nama-nama yang dinamakan kamu dan datuk nenek kamu sahaja, sedangkan Allah tidak menurunkan sebarang hujah yang membenarkannya. Mereka tidak lain melainkan hanya menurut sangkaan dan keinginan hawa nafsu sahaja, sedangkan hidayat telah pun datang kepada mereka dari Tuhan mereka."(23)

Maksudnya, nama-nama al-Laat, al-'Uzza, al-Manat dan sebagainya yang digunakan sebagai nama tuhan-tuhan dan nama-nama malaikat kemudian menamakan malaikat itu sebagai perempuan dan menamakan perempuan itu sebagai puteri-puteri Allah adalah sebenarnya nama-nama kosong yang tidak mempunyai sebarang erti dan tidak pula mempunyai hakikat di sebaliknya. Allah tidak menerangkan sebarang hujah untuknya, dan segala perkara yang tidak diterangkan hujahnya oleh Allah adalah tidak mempunyai kekuatan dan pengaruh kerana ia tidak mempunyai kebenaran. Sesuatu yang benar itu mempunyai beratnya, mempunyai kekuatan dan pengaruhnya, sedangkan perkara-perkara yang karut atau bathil itu ringan tidak mempunyai sebarang timbangan berat, lemah tidak kuat, terhina tidak mempunyai kuasa.

Di pertengahan ayat ini Al-Qur'an mengabaikan mereka serta kekarutan-kekarutan dan dongeng-dongeng mereka. Ia tidak lagi berbicara dengan mereka dan terus berpaling dari mereka seolah-olah mereka tidak wujud, kemudian ia bercerita mengenai hal mereka dalam bentuk orang yang ketiga (صيغة الغائب).

إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَمَا تَهۡوَى ٱلۡأَنفُسُۖ

"Mereka tidak lain melainkan hanya menurut sangkaan dan keinginan hawa nafsu sahaja."(23)

'Aqidah Yang Benar Berlandaskan Hujah Ilmu Pengetahuan Dan Kenyataan Bukan Di Atas Sangkaan Dan Hawa Nafsu

Mereka tidak mempunyai hujah, ilmu pengetahuan dan keyakinan. Mereka tegakkan 'aqidah mereka hanya di atas sangkaan dan berdalilkan keinginan nafsu, sedangkan 'aqidah yang benar itu pastilah tidak memberi ruang untuk sangkaan dan keinginan nafsu, pastilah mengandungi keyakinan yang kukuh dan pastilah bersih dari keinginan nafsu dan kepentingan diri. Mereka tidak mengikut sangkaan dan hawa nafsu itu dengan berdasarkan sesuatu alasan atau sebab:

وَلَقَدۡ جَآءَهُم مِّن رَّبِّهِمُ ٱلۡهُدَىٰٓ ﴿٢٣﴾

"Sedangkan hidayat telah pun datang kepada mereka dari Tuhan mereka."(23)

Kerana itu tiada lagi alasan bagi mereka dan tiada lagi peluang untuk mereka berdalih.

Sesuatu pekerjaan itu tidak akan menjadi betul dan sesuatu hidayat itu tidak akan berguna apabila ia berakhir dengan hawa nafsu, kerana yang menjadi

sebab di sini bukannya kerana kebenaran itu tidak terang dan bukan kerana dalilnya yang tidak kuat, malah yang menjadi sebabnya ialah kerana keinginan hawa nafsu yang liar mahu begitu, kemudian ia mencari alasan untuk mendapatkan apa yang diingininya. Inilah satu keadaan jiwa yang paling buruk yang membuat hidayat tidak dapat memberi manfa'at kepada seseorang dan membuat dalil-dalil itu tidak dapat meyakinkan. Kerana itu Al-Qur'an mengemukakan pertanyaan yang mengecam mereka:

أَمۡ لِلۡإِنسَٰنِ مَا تَمَنَّىٰ ٢٤

"Apakah manusia memiliki kemampuan untuk mencapai segala apa yang dicitakannya?"(24)

Di manalah setiap yang dicita-citakan seseorang itu akan menjadi hakikat dan setiap yang diangan-angankannya itu akan menjadi kenyataan? Hakikatnya tidak begitu, yang benar itu tetap benar dan kenyataan itu tetap kenyataan, namun keinginan nafsu dan angan-angannya tidak dapat mengubahkan hakikat-hakikat. Kesesatan seseorang kerana dia mengikut nafsunya, dan kebinasaannya kerana dia mengikut angan-angannya.

Nafsu dan angan-angan adalah terlalu lemah untuk mengubahkan tabi'at sesuatu, kerana yang memegang teraju segala sesuatu itu ialah Allah yang mengendalikan segala sesuatu mengikut kehendak iradat-Nya sama ada di dunia atau Akhirat:

فَلِلَّهِ ٱلۡأٓخِرَةُ وَٱلۡأُولَىٰ ٢٥

"Allahlah Yang memiliki Akhirat dan dunia."(25)

Di sini kita perhatikan sebutan Akhirat didahulukan ke atas dunia. Ini bukan sahaja kerana memelihara timbangan nada akhir tetapi kerana di sana ada satu tujuan dari segi maknanya iaitu ia menganjurkan supaya manusia mengutamakan Akhirat dari dunia. Itulah kebiasaan uslub Al-Qur'an selalu mengumpulkan di antara makna dengan nada tanpa merosakkan salah satu darinya. Itulah sifat segala sesuatu yang diciptakan Allah, kerana itulah seluruh keindahan di alam buana ini serasi dan selaras dengan tugasnya.

Apabila segala urusan Akhirat dan dunia itu terpulang kepada Allah, maka harapan karut kaum Musyrikin untuk mendapatkan syafa'at dari malaikat-malaikat yang dipertuhankan mereka sebagaimana yang didakwa mereka:

مَا نَعۡبُدُهُمۡ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَآ إِلَى ٱللَّهِ زُلۡفَىٰٓ

"Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendampingkan kami lebih dekat kepada Allah"

(Surah az-Zumar: 3)

adalah karut dan sama sekali tidak berasas, kerana para malaikat di langit itu tidak mempunyai kuasa memberi syafa'at melainkan apabila diizinkan Allah.

وَكَم مِّن مَّلَكٖ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ لَا تُغۡنِي شَفَٰعَتُهُمۡ

"Berapa ramaikah malaikat-malaikat di langit yang syafa'at mereka tidak mendatangkan sebarang faedah kecuah setelah Allah mengizinkan kepada siapa yang dikehendaki dan diredhai-Nya?"(26)

Berdasarkan ayat ini gugurlah seluruh dakwaan mereka dan bersihlah 'aqidah dari segala kesamaran dan kekeliruan, kerana seluruh urusan Akhirat dan dunia itu terpulang kepada Allah, sedangkan cita-cita manusia tidak dapat mengubahkan kenyataan sedikit pun, dan syafa'at tidak akan diterima melainkan dengan keizinan dan keredhaan Allah, dan segala urusan berakhir kepada-Nya, dan semuanya menuju kepada-Nya di Akhirat dan di dunia.

Pada akhir ceraian ayat ini Al-Qur'an membidas bagi kali yang akhir kepercayaan-kepercayaan kaum Musyrikin yang karut mengenai malaikat dan mendedahkan asasnya yang lemah yang sama sekali tidak layak dijadikan landasan bagi sesuatu 'aqidah:

إِنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ بِٱلۡأٓخِرَةِ لَيُسَمُّونَ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةَ تَسۡمِيَةَ ٱلۡأُنثَىٰ ٢٧

وَمَا لَهُم بِهِۦ مِنۡ عِلۡمٍۖ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّۖ وَإِنَّ ٱلظَّنَّ لَا يُغۡنِي مِنَ ٱلۡحَقِّ شَيۡـٔٗا ٢٨

"Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada Akhirat sahajalah yang tergamak menamakan malaikat-malaikat itu dengan nama perempuan(27). Sedangkan mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenainya. Mereka tidak lain melainkan hanya menurut sangkaan sahaja, dan sesungguhnya sangkaan itu tidak berguna sedikit pun untuk mengambil tempat kebenaran."(28)

Kesimpulan yang dijelaskan pada akhir ayat ini menyarankan adanya hubungan al-Laat, al-'Uzza dan al-Manat dengan dongeng keperempuanan malaikat dan pertaliannya sebagai puteri-puteri Allah, iaitu satu dongeng yang amat lemah yang berdasarkan sangkaan semata-mata. Mereka tidak mempunyai sebarang saluran yang membolehkan mereka mengetahui sesuatu maklumat yang meyakinkan mengenai tabi'at malaikat. Perbuatan mereka menghubungkan malaikat sebagai puteri-puteri Allah merupakan suatu kepercayaan yang tidak berdalil dan anggapan yang karut marut sahaja, sedangkan anggapan yang sedemikian sama sekali tidak mungkin mengambil tempat 'aqidah yang benar, yang telah ditinggalkan mereka kerana merasa cukup dengan kepercayaan-kepercayaan yang karut dan sangkaan-sangkaan yang meraba-raba.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 29 - 32)

Setelah selesai menjelaskan kelemahan dan pertentangan 'aqidah syirik kaum Musyrikin yang

tidak percaya kepada hari Akhirat, mempersekutukan Allah dan menamakan malaikat sebagai perempuan dan menghubungkannya sebagai puteri-puteri Allah itu, maka Al-Qur'an terus berbicara dengan Rasulullah s.a.w. supaya beliau jangan menghiraukan mereka dan sesiapa sahaja perkara mereka kepada Allah Yang Mengetahui siapa yang jahat dan siapa yang baik, Yang Memberi Balasan yang setimpal kepada orang yang memilih jalan hidayat dan kepada orang yang sesat, Yang Menguasai segala urusan langit dan bumi dan segala urusan dunia dan Akhirat Yang Mengendalikan Hisab dengan adil saksama, Yang Memaafkan dosa-dosa yang tidak dilakukan dengan berterusan dan degil dan Yang Mengetahui segala niat yang terpendam, kerana Dialah Pencipta manusia Yang Mengetahui hakikat mereka di semua peringkat perkembangan hidup mereka:

فَأَعْرِضْ عَن مَّن تَوَلَّىٰ عَن ذِكْرِنَا وَلَمْ يُرِدْ إِلَّا ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا ﴿٢٩﴾

ذَٰلِكَ مَبْلَغُهُم مِّنَ ٱلْعِلْمِ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ وَهُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ ٱهْتَدَىٰ ﴿٣٠﴾

وَلِلَّهِ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ لِيَجْزِىَ ٱلَّذِينَ أَسَٰٓـُٔوا۟ بِمَا عَمِلُوا۟ وَيَجْزِىَ ٱلَّذِينَ أَحْسَنُوا۟ بِٱلْحُسْنَى ﴿٣١﴾

ٱلَّذِينَ يَجْتَنِبُونَ كَبَٰٓئِرَ ٱلْإِثْمِ وَٱلْفَوَٰحِشَ إِلَّا ٱللَّمَمَ ۚ إِنَّ رَبَّكَ وَٰسِعُ ٱلْمَغْفِرَةِ ۚ هُوَ أَعْلَمُ بِكُمْ إِذْ أَنشَأَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ وَإِذْ أَنتُمْ أَجِنَّةٌ فِى بُطُونِ أُمَّهَٰتِكُمْ ۖ فَلَا تُزَكُّوٓا۟ أَنفُسَكُمْ ۖ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ ٱتَّقَىٰٓ ﴿٣٢﴾

"Oleh itu, janganlah engkau (Muhammad) hiraukan mereka yang berpaling dari mengingati Kami dan tidak berkehendak melainkan kehidupan dunia semata-mata(29). Itulah sahaja kemuncak pencapaian ilmu peagetahuan mereka. Sesungguhnya Tuhanmu jualah yang lebih mengetahui tentang mereka yang sesat dari jalannya dan Dialah jua yang lebih mengetahui tentang mereka yang mendapat hidayat(30). Dan Allah memiliki segala isi langit dan segala isi bumi (ini membolehkannya) untuk mengenakan balasan kepada orang-orang yang melakukan kejahatan mengikut apa yang dilakukan mereka dan untuk memberi balasan yang sebaik-baiknya kepada orang yang melakukan kebaikan(31). Iaitu orang-orang yang menjauhi dosa-dosa yang besar dan perbuatan-perbuatan yang keji kecuali kesalahan-kesalahan yang kecil. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Luas keampunan-Nya. Dia lebih mengetahui keadaan kamu sejak Dia ciptakan kamu dari tanah dan sejak kamu berupa janin-janin di dalam perut ibu-ibu kamu. Oleh itu janganlah kamu memuji-muji diri kamu sendiri. Allah sahaja yang lebih mengetahui tentang mereka yang bertaqwa."(32)

Kaum Muslimin Diperintah Jangan Menghiraukan Golongan Manusia Yang Tidak Mengingati Allah

Perintah supaya jangan menghiraukan mereka yang tidak menghiraukan Zikrullah dan mereka yang tidak percaya kepada Akhirat dan hanya mahukan kehidupan dunia sahaja... perintah ini adalah mulanya ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau jangan mempedulikan kaum Musyrikin yang telah pun dijelaskan di dalam surah ini, iaitu penjelasan tentang dongeng-dongeng dan kepercayaan khurafat mereka dan sikap mereka yang tidak beriman kepada hari Akhirat, kemudian selepas itu perintah ini ditujukan pula kepada setiap Muslim yang menghadapi mereka yang berpaling dari Zikrullah dan enggan beriman kepadanya, iaitu mereka yang hanya berkiblat kepada kehidupan dunia sahaja dan tidak nampak sesuatu yang lain di sebaliknya, mereka yang tidak percayakan hari Akhirat dan tidak membuat apa-apa perhitungan terhadapnya. Pada hemat mereka kehidupan manusia di bumi ini merupakan satu-satunya matlamat hidup mereka, tiada suatu matlamat lain di sebaliknya. Berdasarkan pertimbangan inilah mereka tegakkan sistem hidup mereka, iaitu mereka pisahkan hati nurani manusia dari kesedaran mengakui kewujudan Allah yang mentadbirkan segala urusan hidup mereka dan yang akan menghisabkan amalan-amalan mereka selepas selesai mereka menjelajah di bumi yang terbatas ini. Golongan manusia yang paling dekat dengan sifat-sifat ini di zaman kita sekarang ialah golongan penganut-penganut materialisme.

Orang yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat tidak mampu untuk memberi perhatian, apatah lagi untuk berinteraksi atau untuk hidup bersama dengan orang-orang yang tidak menghiraukan Zikrullah dan menolak Akhirat di dalam perhitungan mereka, kerana kedua-dua golongan ini masing-masing mempunyai cara hidup yang tersendiri yang tidak ada titik pertemuan di dalam mana-mana langkahnya dan mana-mana aspeknya sekalipun. Seluruh ukuran hidup, seluruh nilainya dan seluruh matlamatnya adalah berlainan dan bercanggahan mengikut kefahaman masing-masing. Oleh kerana itu kedua-dua golongan ini tidak mungkin bekerjasama dalam apa sahaja bentuk kerjasama di dalam kehidupan ini. Mereka tidak mungkin menyertai bersama dalam mana-mana kegiatan di bumi ini kerana adanya perbezaan pokok dalam memahami nilai-nilai kehidupan dan matlamat-matlamatnya, juga dalam memahami peraturan-peraturan kegiatan dan tujuan-tujuannya. Selama kerjasama dan usaha sama itu tidak mungkin diwujudkan, maka apakah gunanya lagi diberi perhatian atau diambil hirau? Adalah sia-sia sahaja kepada orang yang beriman untuk memberi perhatian dan layanan kepada orang-orang yang tidak menghiraukan Zikrullah dan tidak berminat kepada yang lain kecuali kehidupan dunia sahaja. Mereka

mencurahkan segala daya tenaga yang dikurniakan Allah kepada mereka pada bukan tempatnya.

Di samping itu perintah supaya jangan menghiraukan golongan ini mengandungi satu maksud yang lain lagi iaitu maksud supaya memandang rendah kepada mereka, kerana walau bagaimana tinggi pencapaian mereka di dunia, namun mereka tetap terlindung dari hakikat yang sebenar dan tidak dapat memahaminya, kerana mereka hanya berdiri di belakang tembok kehidupan dunia sahaja:

ذَٰلِكَ مَبۡلَغُهُم مِّنَ ٱلۡعِلۡمِۚ

"Itulah sahaja kemuncak pencapaian ilmu pengetahuan mereka."(30)

Maksudnya itulah satu kemuncak pencapaian yang amat kecil dan remeh walaupun pada lahirnya kelihatan begitu besar, satu kemuncak pencapaian yang amat terbatas walaupun pada lahirnya kelihatan begitu syumul dan satu kemuncak pencapaian yang membawa kepada kesesatan walaupun pada lahirnya kelihatan memberi hidayat. Tidak mungkin bagi seseorang yang berdiri dengan seluruh hati, perasaan dan mindanya di perbatasan kehidupan dunia sahaja dapat mengetahui sesuatu yang bernilai di sebaliknya, sedangkan di sebalik bumi ini terbentang alam buana yang amat besar yang tidak menciptakan dirinya sendiri, malah kewujudan alam buana dengan begitu rupa tanpa tujuan merupakan satu perkara yang tidak dapat diterima akal, kerana selama alam buana ini mempunyai Penciptanya, maka ia tetap tidak diwujudkan sia-sia begitu sahaja, dan sudah tentu pula sia-sia jika kehidupan dunia ini sahaja merupakan penghabisan dan matlamat alam buana yang besar ini. Memahami hakikat alam buana dalam mana-mana sudut sekalipun sudah cukup untuk membawa seseorang kepada keimanan kepada Khaliqnya, juga keimanan kepada hari Akhirat untuk menolakkan konsep kesia-siaan dari Allah selaku Pencipta Yang Maha Agung yang telah menciptakan alam buana ini dengan seindah-indah ciptaan.

Oleh itu adalah menjadi kewajipan agar tidak dipedulikan orang-orang yang tidak menghiraukan Zikrullah, yang hanya berdiri di perbatasan hidup dunia sahaja supaya perhatian seseorang itu terpelihara dari dicurahkan pada bukan tempatnya, juga supaya seseorang itu memandang rendah kepada mereka yang menjadikan dunia ini sebagai kemuncak pencapaian ilmu pengetahuan mereka. Kita disuruh mengambil sikap ini terhadap mereka jika kita benar menerima perintah Allah untuk mematuhinya bukannya untuk berkata seperti orang-orang Yahudi yang berkata:

سَمِعۡنَا وَعَصَيۡنَا

"Kami dengar, tetapi kami tidak ikut."

(Surah al-Baqarah: 93)

ذَٰلِكَ مَبۡلَغُهُم مِّنَ ٱلۡعِلۡمِۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعۡلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ وَهُوَ أَعۡلَمُ بِمَنِ ٱهۡتَدَىٰ ٣٠

"Sesungguhnya Tuhanmu jualah yang lebih mengetahui tentang mereka yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah juga yang lebih mengetahui tentang mereka yang mendapat hidayat."(30)

Maksudnya, Allah tahu bahawa mereka adalah orang-orang yang sesat, oleh kerana itu Dia tidak mahu Nabi-Nya dan orang-orang yang mendapat hidayat dari umatnya sibuk memikirkan hal mereka. Allah tidak mahu mereka bersahabat dengan mereka dan melayani mereka. Allah tidak mahu orang-orang Mu'min tertipu dengan ilmu pengetahuan mereka yang menyesat dan terbatas itu, iaitu ilmu pengetahuan yang hanya terbatas di sempadan kehidupan dunia sahaja, ilmu pengetahuan yang menghalangi manusia dari memahami hakikat yang tulen yang membawa mereka kepada beriman dengan Allah dan hari Qiamat, dan hakikat tulen yang membolehkannya melangkah sempadan-sempadan bumi yang dekat dan kehidupan dunia yang terbatas.

Ilmu pengetahuan yang dicapai golongan yang terbatas dan sesat itu kelihatan pada mata orang awam dan sebagainya yang mempunyai hati, pemahaman dan perasaan yang cetek itu, begitu penting dan besar di samping mempunyai pengaruh dan kesan dalam kehidupan dunia, tetapi ini tidak dapat menolak sifat sesat yang ada pada mereka dan sifat kejahilan dan kekurangan pengetahuan mereka. Hakikat perhubungan yang wujud di antara alam buana dengan Penciptanya dan hakikat perhubungan yang wujud di antara amalan manusia dengan balasannya adalah kedua-duanya merupakan hakikat yang perlu bagi setiap ilmu pengetahuan yang benar, tanpa dua hakikat ini, ilmu pengetahuan hanya merupakan kulit luar yang tidak memberi kesan kepada kehidupan manusia dan tidak dapat meningkat dan meninggikannya. Nilai setiap ilmu pengetahuan itu adalah bergantung kepada sejauh mana kesannya kepada jiwa manusia dan kepada perhubungan-perhubungan moral manusia, tanpa kesan-kesan sedemikian, maka ilmu itu hanya membawa kemajuan kepada alat-alat tetapi kemunduran kepada manusia. Alangkah malangnya ilmu pengetahuan yang meningkat kemajuan alat-alat tetapi meruntuhkan manusia.

Kesedaran seseorang bahawa dia mempunyai Tuhan Pencipta yang menciptakannya dan mencipta seluruh alam buana menurut satu peraturan yang seimbang akan mengubahkan kesedarannya terhadap hidup, terhadap sesuatu dan terhadap mereka yang ada di sekelilingnya, dan seterusnya akan membuat kewujudannya mempunyai nilai dan matlamat yang lebih besar, lebih syumul dan lebih tinggi, kerana kewujudannya mempunyai hubungan yang rapat dengan seluruh alam buana ini. Ini bererti bahawa dia lebih besar dari dirinya yang hanya hidup dengan

umur yang terbatas, dia lebih besar dari keluarganya yang hanya terdiri dari beberapa orang yang terbatas, dia lebih besar dari bangsanya, dia lebih besar dari tanahairnya, dia lebih besar dari kelasnya di dalam masyarakat yang dilaung-laungkan oleh penganut-penganut materialisme yang moden, dan lebih tinggi dari segala minat dan perhatian yang diberikan oleh semua institusi-institusi.

Kesedaran seseorang bahawa Allah Penciptanya akan menghisabkan amalan-amalannya di Akhirat dan akan membalasnya dengan balasan yang setimpal itu tidak syak lagi akan mengubah pemikiran-pemikiran dan pandangan-pandangannya dan akan mengubah neraca-neraca pertimbangannya, niat-niat dan dorongannya, tujuan-tujuan dan matlamat hidupnya. Kesedaran itu juga akan mengikatkan deria akhlak di dalam jiwanya dengan seluruh hidupnya dan akan menjadikan deria itu bertambah besar kekuatannya dan kesannya, kerana kebinasaan dan keselamatan seseorang itu bergantung kepada sejauh mana kekuatan deria akhlaknya dapat mempengaruhi niat-niatnya dan tindak-tanduknya. Oleh itu, dengan kekuatan deria akhlak itulah seseorang insan menjadi kuat dan dapat mempengaruhi segala tindak-tanduk dirinya, kerana deria akhlak selaku pengawas dan penjaga dirinya sentiasa sedar dan waspada, juga kerana dia sedar bahawa hisab penghabisan sedang menunggunya di Akhirat, dan dari satu segi yang lain pula dia yakin akan memperolehi kebaikan dan akan berjaya dalam menjalani hisab penghabisan itu walaupun dia gagal di dunia ini dalam setengah-setengah perjuangannya, di mana dia sentiasa ditugas memperjuangkan kebaikan tanpa memperhitungkan sama ada dia gagal atau menang di dalam gelanggang perjuangan dunia, kerana balasan penghabisan itu adalah ditentukan di Akhirat.

Masalah beriman kepada Allah dan hari Qiamat merupakan satu persoalan yang amat penting dan asasi dalam kehidupan manusia, ia merupakan satu keperluan yang lebih penting dari keperluan-keperluan manusia kepada makanan, minuman dan pakaian. Apabila keimanan itu wujud, maka wujudlah sifat insan pada manusia, dan sebaliknya apabila keimanan itu tidak wujud, maka berubahlah manusia menjadi haiwan sama seperti haiwan-haiwan yang lain.

Apabila ukuran-ukuran, matlamat-matlamat, tujuan-tujuan, kefahaman-kefahaman dan pandangan-pandangan terhadap hidup berbeza, begitu jauh di antara orang-orang yang beriman dengan orang-orang yang tidak beriman, maka tiada ruang lagi untuk bekerjasama, untuk berurusan satu sama lain atau untuk berkenal-kenalan yang melahirkan sesuatu minat dan perhatian.

Oleh kerana itu hubungan, persahabatan, perkongsian, kerjasama, hubungan mengambil dan memberi, hubungan minat dan layanan mesra tidak mungkin ditegakkan di antara golongan yang beriman dengan Allah dengan golongan yang tidak menghiraukan Zikrullah dan yang hanya berminat kepada kehidupan dunia sahaja. Segala pendapat yang lain dari pendapat ini adalah pendapat dolak-dalik yang bertentangan dengan perintah Allah.

فَأَعْرِضْ عَن مَّن تَوَلَّىٰ عَن ذِكْرِنَا وَلَمْ يُرِدْ إِلَّا ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا ﴿٢٩﴾

"Oleh itu, janganlah engkau (Muhammad) hiraukan mereka yang berpaling dari mengingati Kami dan tidak berkehendak melainkan kehidupan dunia semata-mata."(29)

وَلِلَّهِ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلْأَرْضِ لِيَجْزِيَ ٱلَّذِينَ أَسَٰٓـُٔواْ بِمَا عَمِلُواْ وَيَجْزِيَ ٱلَّذِينَ أَحْسَنُواْ بِٱلْحُسْنَى ﴿٣١﴾

"Dan Allah memiliki segala isi langit dan segala isi bumi (ini membolehkannya) untuk mengenakan balasan kepada orang-orang yang melakukan kejahatan mengikut apa yang dilakukan mereka dan untuk memberi balasan yang sebaik-baiknya kepada orang yang melakukan kebaikan."(31)

Penegasan bahawa segala isi langit dan segala isi bumi itu adalah milik Allah menambahkan lagi kekuatan dan kesan persoalan keimanan kepada hari Akhirat, kerana Allah yang menjadikan alam dan mengaturkan taqdir-Nya Dialah jua yang memiliki segala isi langit dan segala isi bumi dan Dialah yang berkuasa untuk memberi balasan yang setimpal dan adil kepada orang yang melakukan kejahatan dan untuk memberi balasan yang sebaik-baiknya kepada orang yang melakukan kebaikan.

Kemudian Al-Qur'an menerangkan sifat-sifat orang yang melakukan kebaikan yang dibalaskan dengan sebaik-baik balasan itu. Mereka ialah:

ٱلَّذِينَ يَجْتَنِبُونَ كَبَٰٓئِرَ ٱلْإِثْمِ وَٱلْفَوَٰحِشَ إِلَّا ٱللَّمَمَ

"Iaitu orang-orang yang menjauhi dosa-dosa yang besar dan perbuatan-perbuatan yang keji kecuali kesalahan-kesalahan yang kecil."(32)

Pengertian Dosa-dosa Besar Dan Dosa-dosa Al-Lamam

Maksud dari **"dosa-dosa besar"** ialah maksiat-maksiat yang besar, dan maksud dari **"perbuatan-perbuatan yang keji"** ialah segala kesalahan besar yang keji. Mengenai maksud dari **"kesilapan-kesilapan kecil"** di sana terdapat beberapa pandangan ulama' yang berbeza-beza. Menurut Ibn Kathir pengecualian (استثناء) dalam ayat ini ialah (استثناء منقطع) atau pengecualian yang terputus kerana (اللمم) itu ialah "kesilapan-kesilapan dan kesalahan-kesalahan yang kecil." Ujar al-Imam Ahmad pula kami telah diceritakan oleh Abdur-Razzaq, kami telah dikhabarkan oleh Ma'mar dari Ibn Tawus dari bapanya dari Ibn 'Abbas katanya: "Pada pendapatku: Al-Lamam ini adalah lebih hampir dengan maksud hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah dari Nabi s.a.w.:

إن الله تعالى إذا كتب على ابن آدم حظه من الزنا أدرك ذلك لا محالة . فزنا العين النظر ، وزنا اللسان النطق ، والنفس تمنى وتشتهي ، والفرج يصدق ذلك أو يكذبه

"Sesungguhnya Allah Ta'ala apabila Dia hendak menentukan ke atas seseorang manusia habuannya dari perbuatan zina tentulah manusia itu akan memperolehinya, kerana zina mata ialah melihat dan zina lidah ialah bercakap, nafsu berangan-angan dan bercita-cita dan anggota kelaminlah yang membenarkan cita-cita itu atau membohongkannya."[5]

Ujar Ibn Jarir: Kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Abdul A'la, kami dikhabarkan oleh Ibn Thur, kami telah diceritakan oleh Ma'mar dari al-A'masy dari Abu adh-Dhuha bahawa Ibn Mas'ud telah berkata: "Zina mata ialah melihat, zina dua bibir ialah mencium, zina dua tangan ialah memukul dan zina dua kaki ialah berjalan dan anggota kelaminlah yang membenarkan zina itu atau membohongkannya, dan andainya ia tampil mengerjakan dengan anggota kelaminnya, maka dia adalah seorang yang berzina, dan jika tidak, maka dia telah melakukan al-Imam atau kesalahan-kesalahan kecil." Demikianlah juga pendapat Masruq dan al-Sya'bi.

Ujar Abdul Rahman ibn Nafi' yang digelarkan sebagai ibn Lubabah at-Ta'ifi katanya: Aku bertanya Abu Hurayrah mengenai maksud firman Allah " إلا اللمم". Jawabnya: Itulah kesalahan-kesalahan mencium, memandang, mengenyit dan menyentuh. Dan apabila dua anggota kelaminnya bertemu, maka wajiblah mandi dan itulah zina."

Inilah pendapat-pendapat yang hampir-hampir bersamaan dalam menta'rifkan al-Lamam.

Selain dari pendapat-pendapat ini ada pula pendapat-pendapat yang lain:

Ujar Ali ibn Talhah dari ibn 'Abbas makna "إلا اللمم" ialah, "melainkan dosa-dosa yang telah lepas." Begitu juga pendapat Zaid ibn Aslam.

Ujar Ibn Jarir: Kami telah diceritakan oleh al-Mathna, kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Ja'far, kami telah diceritakan oleh Syu'bah daripada Mansur daripada Mujahid, dia telah berkata mengenai makna ayat "إلا اللمم" katanya: "Orang yang mengerjakan dosa kemudian meninggalkannya.

Ujar Ibn Jarir kami telah diceritakan oleh Sulaiman Ibn Abdul Jabbar, kami telah diceritakan oleh Abu 'Asim, kami telah diceritakan oleh Zakaria dari Ibn ishaq dari 'Amr ibn Dinar, dari 'Atha' dari ibn 'Abbas maksud ayat:

الَّذِينَ يَجْتَنِبُونَ كَبَائِرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ إِلَّا اللَّمَمَ ۚ إِنَّ رَبَّكَ وَاسِعُ الْمَغْفِرَةِ ۚ هُوَ أَعْلَمُ بِكُمْ إِذْ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَإِذْ أَنتُمْ أَجِنَّةٌ فِي بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ ۖ فَلَا تُزَكُّوا أَنفُسَكُمْ ۖ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ اتَّقَىٰ ﴿٣٢﴾

"Iaitu orang-orang yang menjauhi dosa-dosa yang besar dan perbuatan-perbuatan yang keji kecuali kesalahan-kesalahan yang kecil. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Luas keampunan-Nya. Dia lebih mengetahui keadaan kamu sejak Dia ciptakan kamu dari tanah dan sejak kamu berupa janin-janin di dalam perut-perut ibu-ibu kamu. Oleh itu janganlah kamu memuji-muji diri kamu sendiri. Allah sahaja yang lebih mengetahui tentang mereka yang bertaqwa."(32)

ialah orang yang mengerjakan perbuatan yang keji kemudian ia bertaubat. Katanya sabda Rasulullah s.a.w.:

إن تغفر اللهم تغفر جما ، وأي عبد لك ما ألما

"Ya Tuhanku! Jika Engkau pengampun, maka ampunkanlah dengan sebanyak-banyaknya kerana tiada seorang pun dari hamba Engkau yang tidak pernah melakukan dosa."

Demikianlah diriwayatkan oleh at-Tirmizi dari Ahmad ibn 'Uthman al-Basri dari Abu 'Asim an-Nabil. Kemudian dia berkata: "Hadith ini Hadith Sahih Hassan Gharib. Kami tidak mengetahui melainkan dari Hadith Zakaria ibn Ishaq". Demikianlah juga kata al-Bazzar. Kami tidak mengetahuinya bersambung sampai ke Rasulullah s.a.w. melainkan satu sanad ini sahaja.

Ujar Ibn Jarir: Kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Abdullah ibn Yazi', kami telah diceritakan oleh Yazid ibn Zari', kami telah diceritakan oleh Yunus dari al-Hassan dari Abu Hurayrah r.a. (aku fikir Abu Hurayrah telah merafa'kannya) mengenai ayat:

الَّذِينَ يَجْتَنِبُونَ كَبَائِرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ إِلَّا اللَّمَمَ ۚ إِنَّ رَبَّكَ وَاسِعُ الْمَغْفِرَةِ ۚ هُوَ أَعْلَمُ بِكُمْ إِذْ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَإِذْ أَنتُمْ أَجِنَّةٌ فِي بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ ۖ فَلَا تُزَكُّوا أَنفُسَكُمْ ۖ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ اتَّقَىٰ ﴿٣٢﴾

"Iaitu orang-orang yang menjauhi dosa-dosa yang besar dan perbuatan-perbuatan yang keji kecuali kesalahan-kesalahan yang kecil. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Luas keampunan-Nya. Dia lebih mengetahui keadaan kamu sejak Dia ciptakan kamu dari tanah dan sejak kamu berupa janin-janin di dalam perut-perut ibu-ibu kamu. Oleh itu janganlah kamu memuji-muji diri kamu sendiri. Allah sahaja yang lebih mengetahui tentang mereka yang bertaqwa."(32)

Kata Abu Hurayrah: Maksudnya ialah melakukan dosa zina kemudian bertaubat dan tidak lagi kembali melakukannya, dan melakukan dosa mencuri kemudian bertaubat dan tidak lagi kembali melakukannya, dan melakukan dosa minum arak kemudian bertaubat dan tidak lagi kembali melakukannya. Katanya: Itulah erti al-Lamam (اللمم).

---

[5] *Hadith ini dikeluarkan dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim dari hadith Abdur-Razzaq.*

Pendapat yang seperti ini juga diriwayatkan dengan riwayat yang mauquf (terhenti) setakat al-Hassan.

Inilah pendapat-pendapat yang berlainan dari pendapat-pendapat yang pertama dalam menentukan makna al-Lamam. Dan pada hemat kami pendapat yang akhir inilah yang lebih munasabah dengan firman Allah selepas itu:

إِنَّ رَبَّكَ وَاسِعُ ٱلْمَغْفِرَةِ

"Sesungguhnya Tuhanmu Maha Luas keampunan-Nya."(32)

Peringatan dengan keampunan Allah yang luas itu sesuai dengan kesalahan melakukan dosa-dosa yang besar dan perbuatan-perbuatan yang keji yang diiringi dengan taubat. Jadi pengecualian (استثناء) dalam ayat ini ialah pengecualian yang tidak terputus (غير منقطع) yang membawa erti *"orang-orang yang melakukan kebaikan"* itu ialah orang-orang yang menjauhi dosa-dosa dan perbuatan-perbuatan yang keji kecuali mereka yang melakukan sesuatu dari dosa-dosa itu kemudian mereka bertaubat dengan segera dan tidak lagi terus melakukannya dengan degil sebagaimana firman Allah.

وَٱلَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا۟ فَٰحِشَةً أَوْ ظَلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ ذَكَرُوا۟ ٱللَّهَ فَٱسْتَغْفَرُوا۟ لِذُنُوبِهِمْ وَمَن يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا ٱللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوا۟ عَلَىٰ مَا فَعَلُوا۟ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿١٣٥﴾

"(Orang-orang bertaqwa itu ialah) orang-orang yang apabila mereka mengerjakan sesuatu kesalahan yang keji atau menzalimi diri mereka sendiri, mereka teringat kepada Allah, lalu mereka memohon keampunan terhadap dosa-dosa mereka, kerana tiada siapa yang dapat mengampunkan dosa-dosa itu melainkan Allah, dan mereka tidak lagi meneruskan perbuatan-perbuatan keji yang telah dilakukan mereka, sedangkan mereka mengetahui."

(Surah Aali 'Imran: 135)

Allah telah mensifatkan mereka sebagai orang-orang yang bertaqwa dan menjanjikan mereka dengan keampunan dan Syurga yang luasnya sama dengan langit dan bumi.[6] Pengertian ini lebih dekat kepada rahmat Allah dan keampunan-Nya yang luas.

Kemudian ayat ini ditamatkan dengan satu penjelasan bahawa balasan yang buruk dan baik itu adalah berlandaskan kepada ilmu Allah yang mengetahui hakikat hati manusia dalam semua peringkat perkembangan hidupnya.

هُوَ أَعْلَمُ بِكُمْ إِذْ أَنشَأَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ وَإِذْ أَنتُمْ أَجِنَّةٌ فِى بُطُونِ أُمَّهَٰتِكُمْ

"Dia lebih mengetahui keadaan kamu sejak Dia ciptakan kamu dari tanah dan sejak kamu berupa janin-janin di dalam perut ibu-ibu kamu."(32)

Maksudnya, ilmu Allah tentang keadaan manusia itu ialah ilmu yang mendahului perbuatan-perbuatan mereka yang zahir, ilmu Allah yang bergantung dengan hakikat mereka yang tetap, yang tidak diketahui mereka dan hanya Allah yang menciptakan mereka sahaja mengetahuinya, ilmu Allah yang azali yang mengetahui hakikat mereka ketika Allah menciptakan asal-usul mereka dari tanah, sedangkan mereka di waktu itu masih berada di dalam alam ghaib, ilmu Allah yang mengetahui hakikat mereka ketika mereka masih dari peringkat janin di dalam perut ibu-ibu mereka. Allah mengetahui hakikat mereka sebelum mereka muncul ke alam kenyataan dan mengetahui tabi'at mereka sebelum mereka jelmakannya ke dalam tindakan.

Jika beginilah mendalamnya sifat ilmu Allah, maka tentulah tidak ada erti, malah merupakan satu perbuatan biadab jika seseorang itu mahu memperkenal dan menerangkan hakikat dirinya kepada Allah, dan mahu memuji-muji dirinya di hadapan Allah: Saya begini, saya begitu:

فَلَا تُزَكُّوٓا۟ أَنفُسَكُمْ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ ٱتَّقَىٰٓ ﴿٣٢﴾

"Oleh itu janganlah kamu memuji-muji diri kamu sendiri. Dialah sahaja yang lebih mengetahui tentang mereka yang bertaqwa."(32)

Allah tidak memerlukan kamu memperkenalkan diri kamu kepada-Nya, juga tidak memerlukan kamu menilaikan amalan kamu untuk-Nya, kerana Allah mempunyai ilmu pengetahuan yang sempurna dan neraca pertimbangan yang maha halus. Balasan Allah merupakan balasan yang maha adil dan firman-Nya merupakan kata pemutus dan kepada-Nya dipulangkan segala urusan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 33 - 62)

Selepas itu datanglah pula bahagian yang akhir dari surah ini dengan nada yang amat merdu, iaitu sama dengan kemerduan bahagian yang pertama, menjelaskan hakikat-hakikat asasi agama Islam, iaitu hakikat-hakikat yang telah ditetapkan sejak Nabi Ibrahim a.s. yang menjadi Rasul pelopor yang menegakkan agama tauhid ini, juga memperkenalkan kepada manusia sifat-sifat Allah yang menciptakan mereka dengan menjelaskan kepada mereka kehendak iradat Allah Yang Mencipta dan Menguasai hidup mereka, dan menayangkan kesan-kesan iradat-Nya satu demi satu dengan gambaran yang menyentuh perasaan mereka, mengingatkan mereka, menggerakkan hati mereka sedalam-dalamnya .....hingga apabila berakhirnya surah ini dengan nadanya yang akhir, maka seluruh perasaan manusia menerimanya dengan perasaan menggigil dan terharu:

[6] *Surah Aaali 'Imran, ayat 136.*

أَفَرَءَيْتَ ٱلَّذِى تَوَلَّىٰ ﴿٣٣﴾

وَأَعْطَىٰ قَلِيلًا وَأَكْدَىٰٓ ﴿٣٤﴾

أَعِندَهُۥ عِلْمُ ٱلْغَيْبِ فَهُوَ يَرَىٰٓ ﴿٣٥﴾

أَمْ لَمْ يُنَبَّأْ بِمَا فِى صُحُفِ مُوسَىٰ ﴿٣٦﴾

وَإِبْرَٰهِيمَ ٱلَّذِى وَفَّىٰٓ ﴿٣٧﴾

أَلَّا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ﴿٣٨﴾

وَأَن لَّيْسَ لِلْإِنسَٰنِ إِلَّا مَا سَعَىٰ ﴿٣٩﴾

وَأَنَّ سَعْيَهُۥ سَوْفَ يُرَىٰ ﴿٤٠﴾

ثُمَّ يُجْزَىٰهُ ٱلْجَزَآءَ ٱلْأَوْفَىٰ ﴿٤١﴾

وَأَنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ ٱلْمُنتَهَىٰ ﴿٤٢﴾

وَأَنَّهُۥ هُوَ أَضْحَكَ وَأَبْكَىٰ ﴿٤٣﴾

وَأَنَّهُۥ هُوَ أَمَاتَ وَأَحْيَا ﴿٤٤﴾

"Tahukah engkau orang yang membelakangi (kebenaran)?(33). Dan hanya sanggup memberi sedikit sahaja kemudian memutuskan pemberiannya(34). Apakah dia mempunyai pengetahuan mengenai perkara-perkara yang ghaib sehingga dia mengetahui (apa yang akan berlaku)?(35). Atau apakah dia belum lagi diberitahu tentang hukum yang telah dijelaskan di dalam lembaran-lembaran kitab Musa?(36). Dan lembaran-lembaran Ibrahim yang telah menyempurnakan tugas-tugasnya(37). Iaitu (hukum) bahawa seorang yang berdosa itu tidak akan memikul dosa orang yang lain.(38) Dan bahawa seseorang itu tidak memperolehi balasan selain balasan dari amalan yang telah diusahakannya (39). Dan sesungguhnya segala usahanya akan diperlihatkan kepadanya(40). Kemudian usaha itu akan dibalas dengan balasan yang amat sempurna(41). Dan sesungguhnya kepada Tuhanmulah kesudahan segala sesuatu(42). Dan sesungguhnya Dialah yang menjadikan seseorang itu ketawa dan menangis(43). Dan sesungguhnya Dialah yang mematı dan menghidupkan."(44)

وَأَنَّهُۥ خَلَقَ ٱلزَّوْجَيْنِ ٱلذَّكَرَ وَٱلْأُنثَىٰ ﴿٤٥﴾

مِن نُّطْفَةٍ إِذَا تُمْنَىٰ ﴿٤٦﴾

وَأَنَّ عَلَيْهِ ٱلنَّشْأَةَ ٱلْأُخْرَىٰ ﴿٤٧﴾

وَأَنَّهُۥ هُوَ أَغْنَىٰ وَأَقْنَىٰ ﴿٤٨﴾

وَأَنَّهُۥ هُوَ رَبُّ ٱلشِّعْرَىٰ ﴿٤٩﴾

وَأَنَّهُۥٓ أَهْلَكَ عَادًا ٱلْأُولَىٰ ﴿٥٠﴾

وَثَمُودَا۟ فَمَآ أَبْقَىٰ ﴿٥١﴾

وَقَوْمَ نُوحٍ مِّن قَبْلُ ۖ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ هُمْ أَظْلَمَ وَأَطْغَىٰ ﴿٥٢﴾

وَٱلْمُؤْتَفِكَةَ أَهْوَىٰ ﴿٥٣﴾

فَغَشَّىٰهَا مَا غَشَّىٰ ﴿٥٤﴾

فَبِأَىِّ ءَالَآءِ رَبِّكَ تَتَمَارَىٰ ﴿٥٥﴾

هَٰذَا نَذِيرٌ مِّنَ ٱلنُّذُرِ ٱلْأُولَىٰٓ ﴿٥٦﴾

"Dan sesungguhnya Dialah yang menciptakan pasangan lelaki dan perempuan(45). Dari setitik nutfah apabila dipancutkan(46). Dan sesungguhnya Dialah yang menetapkan kebangkitan semula(47). Dan sesungguhnya Dialah yang memberi kekayaan dan harta simpanan(48). Dan sesungguhnya Dialah Tuhan bintang asy-Sy'ira(49). Dan sesungguhnya Dialah yang membinasakan kaum 'Ad yang pertama (kaum Nabi Hud)."(50) Dan kaum Thamud (kaum Nabi Soleh) dan tiada seorang pun yang ditinggalkan hidup(51). Juga kaum Nuh sebelum itu, sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang lebih zalim dan lebih melampau lagi(52). Juga negeri Lut yang ditunggang-balikkan. Dialah yang mengangkatkannya ke angkasa dan menghempaskannya ke bumi(53). Lalu dia selubungkannya dengan 'azab yang menyeluruh(54). Manakah satu di antara ni'mat-ni'mat Tuhanmu yang engkau ragui (wahai manusia)? (55). Inilah Rasul pemberi peringatan seperti rasul-rasul yang pertama yang memberi peringatan."(56)

أَزِفَتِ ٱلْءَازِفَةُ ﴿٥٧﴾

لَيْسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ كَاشِفَةٌ ﴿٥٨﴾

أَفَمِنْ هَٰذَا ٱلْحَدِيثِ تَعْجَبُونَ ﴿٥٩﴾

وَتَضْحَكُونَ وَلَا تَبْكُونَ ﴿٦٠﴾

وَأَنتُمْ سَٰمِدُونَ ﴿٦١﴾

فَٱسْجُدُوا۟ لِلَّهِ وَٱعْبُدُوا۟ ۩ ﴿٦٢﴾

"Masa Qiamat telah hampir(57). Tiada siapa yang dapat mendedahkan masanya selain Allah(58). Apakah kamu merasa hairan terhadap keterangan ini?(59). Dan kamu ketawa dan tidak menangis(60). Dan kamu terus lalai(61). Sujudlah kamu kepada Allah dan beribadatlah kepada-Nya."(62)

Orang yang membelakangi agama yang benar dan hanya sanggup memberi pengorbanan yang sedikit sahaja yang ditakjubkan Allah itu adalah seorang yang tertentu mengikut setengah-setengah riwayat. Dia telah mengorbankan sedikit hartanya untuk Sabilullah kemudian dia menghentikan pengorbanannya kerana takut jadi miskin. Az-Zamakhsyari dalam tafsirnya *"al-Kasysyaf"* telah menentukan orangnya iaitu Sayiduna 'Uthman ibn 'Affan r.a., dan dalam hubungan ini dia

telah menyebut satu kisah yang sama sekali tidak berasas dan tidak dapat diterima oleh sesiapa sahaja yang mengenal sifat 'Uthman yang sebenar dan bagaimana beliau telah memberi pengorbanannya yang banyak dan lama tanpa berhenti-henti dan tanpa dikira untuk kepentingan Sabilullah, dan siapa yang tahu tentang 'aqidah beliau terhadap Allah dan kefahamannya mengenai dasar tanggungawab individu terhadap dan masing-masing.[7]

Mungkin orang yang dimaksudkan dalam ayat itu seorang yang tertentu dan mungkin pula satu contoh dari mana-mana manusia sahaja. Kedua-duanya sama sahaja. Orang yang membelakangi kepentingan agama ini dan orang yang mengorbankan harta atau jiwanya untuk agama ini kemudian ia memutuskan pengorbanannya itu dan tidak sanggup lagi meneruskan pengorbanannya, maka sikap orang ini amatlah menghairankan dan memang wajar dihairankan, dan sikap orang inilah yang dijadikan Al-Qur'an sebagai asas untuk dibentang dan dijelaskan hakikat-hakikat agama ini.

أَعِندَهُۥ عِلْمُ ٱلْغَيْبِ فَهُوَ يَرَىٰٓ ﴿٣٥﴾

"Apakah dia mempunyai pengetahuan mengenai perkara-perkara yang ghaib sehingga dia mengetahui (apa yang akan berlaku)."(35)

Maksudnya, segala urusan ghaib itu adalah dalam pengetahuan Allah, tiada siapapun yang melihatnya melainkan Allah. Oleh itu seseorang itu tidak boleh merasa aman dari akibat-akibat yang tersembunyi di dalam alam ghaib, malah hendaklah dia meneruskan amalan dan pengorbanannya dan hendaklah dia hidup dengan hati-hati dan menunaikan kewajipannya dengan sempurna di sepanjang hidupnya dan janganlah dia berkorban kemudian berhenti, kerana tiada yang dapat menjaminkan keselamatannya di alam ghaib yang majhul itu melainkan sikap hati-hatinya, amalannya, penunaian kewajipannya yang sempurna dan harapannya untuk mendapatkan keampunan dan penerimaan Allah terhadap segala amalan yang dilakukannya.

أَمْ لَمْ يُنَبَّأْ بِمَا فِى صُحُفِ مُوسَىٰ ﴿٣٦﴾ وَإِبْرَٰهِيمَ ٱلَّذِى وَفَّىٰٓ ﴿٣٧﴾

"Atau apakah dia belum lagi diberitahu tentang hukum yang telah dijelaskan di dalam lembaran-lembaran kitab Musa?(36). Dan lembaran-lembaran Ibrahim yang telah menyempurnakan tugas-tugasnya."(37)

"Menyempurnakan tugas" di sini sebagai lawan dari sifat **"Memutuskan pemberian."** Maksudnya, agama Islam ini adalah satu agama yang amat tua yang bersambung-sambung awalnya dengan akhirnya, yang mempunyai dasar-dasar dan lunas-lunas yang tetap, yang saling benar membenar di antara para rasul yang datang silih berganti itu walaupun berjauhan tempat dan zaman. Ia dicatat di dalam lembaran-lembaran kitab Musa dan di dalam lembaran-lembaran Ibrahim sebelum Musa, iaitu Ibrahim yang telah menunaikan kewajipannya dan pengorbanannya dengan sempurna yang layak menerima sanjungan dari Allah. Al-Qur'an menyebut sifat

Apakah dasar-dasar yang telah dicatatkan di dalam lembaran-lembaran Musa dan Ibrahim?

"Iaitu (hukum) bahawa seseorang yang berdosa itu tidak akan memikul dosa orang lain(38). Dan bahawa seseorang itu tidak memperolehi balasan selain balasan dari amalan yang telah diusahakannya."(39)

Dasar Tanggungjawab Individu

Maksudnya, seseorang itu tidak dapat menanggung dosa orang lain sama ada untuk meringankan bebanan dosa orang lain atau untuk membebankan orang lain dengan dosa-dosanya. Tiada siapa pun yang boleh meringankan bebanan dosanya dan tiada siapa pun yang boleh bersukarela untuk memikul sesuatu dosa orang lain, kerana seseorang itu tidak dihisab dan dibalaskan melainkan mengikut amalan dan perbuatan yang dilakukannya sahaja. Dia tidak boleh ditambah dengan amalan orang lain dan tidak boleh dikurangkan amalannya untuk orang yang lain. Masa hidup di dunia ini merupakan satu-satunya peluang yang diberikan kepadanya untuk beramal dan berusaha. Apabila dia mati, maka hilanglah peluang itu dan putuslah amalannya kecuali amalan-amalan yang diterangkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya:

إذا مات الإنسان انقطع عمله إلا من ثلاث : من ولد صالح يدعوله ، أو صدقة جارية من بعده ، أو علم ينتفع به

"Apabila seseorang itu mati, maka putuslah amalannya kecuali amalan dari tiga punca iaitu dari anak yang salih yang berdo'a kepadanya atau dari sedekah yang berkekalan selepasnya atau dari ilmunya yang diambil manfa'at darinya oleh orang lain."

(Dikeluarkan oleh Muslim dari Abu Hurayrah)

[7] *Ujar as-Zamakhsyari:" Telah diriwayatkan bahawa 'Uthman ra. telah membelanjakan harta kekayaannya untuk kebajikan, lalu saudara susuannya Abdullah ibn Sa'd ibn Abu Sarh berkata kepadanya: Engkau hampir-hampir tidak berharta lagi, Jawab 'Uthman: Aku mempunyai dosa dan kesalahan yang banyak, apa yang aku buat itu ialah untuk mencari keredhaan Allah dan mengharapkan keampunan-Nya. Lalu Abdullah pun berkata: Berilah untamu itu kepadaku dengan segala persiapan yang ada padanya dan aku sanggup menanggung segala dosamu, 'Uthman pun memberi unta itu kepadanya dan menjadikannya sebagai saksi, dan selepas itu 'Uthman pun berhenti membelanjakan hartanya untuk kebajikan kerana itulah turunnya ayat ini!".... Riwayat ini jelas sekali karutnya, kerana gambaran sifat 'Uthman yang sebenar sama sekali tidak seperti gambaran riwayat ini.*

Ketiga-tiga punca ini pada hakikatnya adalah dari amalannya. Dari ayat yang mulia inilah al-Imam as-Syafi'i Rahimahullah dan mereka yang mengikutinya berpendapat bahawa pahala bacaan Al-Qur'an tidak sampai kepada si mati kerana ia bukan dari hasil amalan dan usahanya kerana itu membaca Al-Qur'an untuk si mati itu tidak digalakkan oleh Rasulullah s.a.w. Beliau tidak menyuruh dan menunjuk supaya melakukan amalan itu sama ada dengan nas atau dengan isyarat dan amalan itu juga tidak pernah dinukilkan dari mana-mana sahabat r.a. Andainya amalan itu baik tentulah para sahabat itu mendahului kita mengamalkannya, sedangkan perkara-perkara amalan ibadat itu pula pastilah berasaskan nas-nas dan tidak boleh diada-adakan dengan menggunakan berbagai-bagai qias dan pendapat-pendapat sahaja. Adapun pahala amalan do'a dan sedekah, maka ia tetap sampai kepada si mati dengan ijma' dan dengan nas yang terang dari syara'.[8]

وَأَنَّ سَعْيَهُۥ سَوْفَ يُرَىٰ ﴿٤٠﴾

ثُمَّ يُجْزَىٰهُ ٱلْجَزَآءَ ٱلْأَوْفَىٰ ﴿٤١﴾

"Dan sesungguhnya segala usaha akan diperlihatkan kepada-Nya(40). Kemudian usaha itu akan dibalas dengan balasan yang amat sempurna."(41)

Maksudnya, segala amalan dan usahanya tidak akan hilang sia-sia walau sedikit pun dan tidak akan luput dari ilmu Allah dan tidak akan terlepas dari neraca pertimbangan-Nya yang halus. Setiap orang akan menerima balasan dengan sempurna tidak kurang sedikit pun dan tidak dianiayai sedikit pun.

Demikianlah jelas dan tegasnya dasar tanggungjawab individu terhadap amalan dan perbuatannya di samping dasar keadilan balasan. Dengan demikian muncullah nilai insaniyah seseorang manusia, iaitu nilai insaniyah yang ditegakkan di atas konsep memandang manusia sebagai satu makhluk yang berakal, yang bertanggungjawab dan yang memegang amanah terhadap keselamatan dirinya sendiri. Ia diberi peluang untuk beramal dan akan dibalas mengikut amalannya. Dan dengan demikian juga seseorang itu akan merasa aman dan tenteram terhadap keadilan balasan, iaitu satu keadilan mutlak yang tidak terjejas kerana hawa nafsu, dan tidak tercacat kerana pengetahuan yang terbatas dan kerana kejahilan terhadap perkara-perkara yang sebenar.

"Dan sesungguhnya kepada Tuhanmulah kesudahan segala sesuatu."(42)

Maksudnya, tiada jalan yang lain melainkan jalan yang berakhir kepada Allah, tiada tempat perlindungan selain dari Allah dan tiada tempat kembali melainkan tempat kembali yang disediakan Allah sama ada di dalam Syurga atau di dalam Neraka. Hakikat ini mempunyai nilai dan kesannya dalam membentuk perasaan dan fikiran manusia, kerana apabila seseorang itu sedar bahawa segala sesuatu, segala pekerjaan sekalian manusia akan berakhir kepada Allah, maka dia dari awal jalan lagi akan insaf di mana akhir kesudahannya yang tidak dapat dihindarinya, dan dia akan menyesuaikan dirinya dan amalannya dengan hakikat ini:

Setelah selesai membawa manusia ke penghujung perjalanan, maka Al-Qur'an membawa mereka kembali kepada hidup dunia untuk menunjukkan kepada mereka kesan-kesan kehendak iradat-Nya dalam segala peringkat dan keadaan hidup:

وَأَنَّهُۥ هُوَ أَضْحَكَ وَأَبْكَىٰ ﴿٤٣﴾

"Dan sesungguhnya Dialah yang menjadikan seseorang itu ketawa dan menangis."(43)

Dalam ayat ini terkandung berbagai-bagai hakikat, berbagai-bagai gambaran dan bayangan yang menarik.

Tabi'at Ketawa Dan Tabi'at Menangis

Allah telah memasangkan pada manusia sifat ketawa dan sifat menangis. Kedua-dua sifat itu merupakan salah satu rahsia dari rahsia-rahsia kejadian manusia yang tidak diketahui seseorang pun bagaimana cara kedua-duanya bertindak di dalam alat-alat kelengkapan dirinya yang canggih itu. Susunan alat-alat kelengkapan jiwanya tidak kurang canggihnya dari susunan alat-alat kelengkapan anggota tubuh badannya. Alat-alat penggerak dari jiwanya saling tindak bertindak dengan alat-alat penggerak dari anggota tubuh badannya. Kedua-duanya bekerjasama dalam mewujudkan tindakan ketawa dan tindakan menangis.

Allah telah menciptakan pendorong-pendorong ketawa dan pendorong-pendorong menangis. Di sana terdapat rahsia-rahsia yang rumit yang membuat seseorang itu ketawa kerana itu dan menangis kerana ini. Kadang-kadang sebab yang mendorongnya menangis pada hari ini akan berubah menjadi sebab yang mendorongnya ketawa pada keesokan hari. Dia bertindak begitu bukan kerana gila dan tidak ingat, malah kerana itulah keadaan yang dialami jiwanya yang berubah-ubah dan kerana itulah pertimbangan-pertimbangan dan pendorong-pendorong yang tidak pernah mantap di dalam perasaannya.

Dalam masa yang sama Allah menjadikan manusia itu menangis dan ketawa mengikut penggerak dan pendorong yang menguasainya. Kadang-kadang satu puak ketawakan sesuatu yang ditangisi satu puak yang lain, kerana kesannya yang diterima puak ini berlainan dari kesannya yang diterima puak yang satu lagi. Kadang-kadang ketawa dan menangis dalam perkara yang sama yang dihadapi oleh seorang yang sama iaitu dia ketawakannya pada hari ini, tetapi setelah dia menerima akibatnya yang buruk dia

[8] *Ibn Kathir dalam tafsirnya.*

menangis pula dan bercita-cita jika dulu dia tidak berbuat demikian dan tidak ketawa. Berapa ramai orang yang ketawa di dunia menangis di Akhirat, tetapi tangisan itu tidak berguna apa-apa lagi.

Inilah sebahagian gambaran-gambaran dan bayangan yang tercetus dari ayat yang pendek ini yang ternampak dalam hati dan perasaan. Di sana banyak lagi gambaran-gambaran lain yang tercetus darinya apabila seseorang itu mempunyai lebih banyak stok pengalaman dan apabila pencetus ketawa dan pencetus tangisan itu berubah-ubah. Inilah salah satu bentuk i'jaz yang banyak terdapat di dalam Al-Qur'an.

"Dan sesungguhnya Dialah yang memati dan menghidupkan."(44)

Hakikat Hayat Dan Hakikat Maut

Dari ayat ini juga tercetus berbagai-bagai gambaran yang tidak terkira banyaknya di dalam hati kita.

Allahlah yang memati dan menghidupkan. Dialah yang menjadikan maut dan hayat sebagaimana disebut dalam ayat yang lain:

ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْمَوْتَ وَٱلْحَيَوٰةَ

"Tuhan Yang menciptakan maut dan hayat."

(Surah al-Mulk: 2)

Maut dan hayat itu diketahui semua orang kerana terlalu kerap berulang-ulang, tetapi hakikat keduanya begitu sulit apabila manusia cuba hendak mengetahui hakikatnya dan rahsia-rahsianya yang tersembunyi itu. Apakah hakikat maut? Apakah hakikat hayat? Apakah hakikat maut dan hayat di sebalik kata-kata dan bentuk rupa keduanya yang dilihat oleh kita? Bagaimana hayat bergerak pada makhluk yang hidup? Apakah hayat itu? Dari mana ia datang? Bagaimana ia menyerap pada makhluk yang bernyawa lalu menyebabkannya hidup? Apakah maut itu? Bagaimana rupanya sebelum tercetusnya hayat? Dan bagaimana pula rupanya setelah ia berpisah dari jasad yang bernyawa itu? Itulah rahsia yang tersembunyi di sisi Allah.

Allahlah yang memati dan menghidupkan. Dari konsep ini tercetus berjuta-juta gambaran maut dan hayat di alam makhluk yang bernyawa dalam satu detik masa. Dalam detik sekarang ini sahaja berjuta-juta makhluk yang bernyawa mati dan dalam detik yang sama juga berjuta-juta makhluk baru yang bernyawa memulakan perjalanan hidupnya.

Tiada siapa yang mengetahui bagaimana rahsia hayat itu bergerak pada makhluk-makhluk itu melainkan Allah sahaja. Beberapa banyak kematian yang berlaku sedangkan kematian itu juga yang mencetuskan hayat. Beberapa banyak gambaran-gambaran yang seperti ini muncul di sepanjang abad ketika imaginasi kita meninjau jauh ke dalam zaman yang silam, sebelum makhluk insan wujud di atas bumi ini lagi. Kita serahkan kepada ilmu Allah sahaja aneka jenis maut dan hayat yang wujud di planet-planet yang lain dari bumi yang tidak pernah terlintas di hati manusia.

Berbagai-bagai himpunan gambaran telah dicetuskan oleh ayat yang pendek ini, yang telah mengocakkan perasaan manusia sedalam-dalamnya dan menjadikannya begitu terharu di bawah nadanya yang menimbulkan berbagai-bagai gema.

وَأَنَّهُۥ خَلَقَ ٱلزَّوْجَيْنِ ٱلذَّكَرَ وَٱلْأُنثَىٰ ﴿٤٥﴾ مِن نُّطْفَةٍ إِذَا تُمْنَىٰ ﴿٤٦﴾

"Dan sesungguhnya Dialah yang menciptakan pasangan lelaki dan perempuan (45). Dari setitik nutfah apabila dipancutkan" (46)

Ini adalah satu hakikat yang agung yang berlaku dan berulang-ulang dalam setiap detik. Manusia lupakannya kerana terlalu kerap berlaku di depan matanya. Ia adalah satu hakikat yang lebih aneh dari segala yang aneh yang diciptakan oleh pengembaraan-pengembaraan imaginasi.

Setitis nutfah yang dipancut, iaitu sejenis cecair dari berbagai-bagai cecair yang dikeluarkan badan manusia seperti peluh, airmata dan hingus, tiba-tiba selepas berlalunya satu tempoh yang tertentu dalam tadbir Allah..... tiba-tiba apa? Tiba-tiba setitis nutfah itu menjadi seorang manusia, tiba-tiba manusia itu muncul sebagai lelaki dan perempuan. Bagaimana kejadian yang aneh ini berlaku, sedangkan ia sama sekali tidak terlintas di dalam khayal kita andainya ia tidak berlaku? Di manakah duduknya manusia yang mempunyai bentuk susunan kejadian yang amat canggih itu? Di manakah dia bersembunyi di dalam setitis nutfah yang dipancutkan itu, atau lebih tepat dalam satu juzu' nutfah dari berjuta-juta juzu' yang amat banyak itu? Di manakah dia bersembunyi dengan tulang-temulangnya, dengan daging-daging dan kulitnya, dengan urat-urat saraf, rambut-rambut dan kukunya dan dengan bentuk dan rupa parasnya, dengan perangai, tingkahlaku dan bakat-bakat kebolehannya? Di manakah duduk semuanya ini di dalam satu sel yang amat seni itu yang berenang bersama-sama berjuta-juta sel yang sama dengannya dalam setitis nutfah yang dipancutkan itu? Di manakah duduknya sifat-sifat lelaki dan sifat-sifat perempuan di dalam sel itu dan akhirnya menonjolkan dirinya pada janin yang dikandungkan itu?

Manakah hati manusia yang tidak terharu apabila ia berdiri di hadapan hakikat agung yang aneh ini, apatah lagi untuk mengingkar dan berkata dengan angkuh: "Ia hanya berlaku begini sahaja kemudian habis perkara, ia hanya berjalan mengikut jalannya yang seperti ini sahaja kemudian habis perkara, ia hanya menuju kepada pelan-pelan yang telah pun

diatur kemudian habis perkara." Atau berkata dengan pura-pura alim: "Ia menjalani perjalanan ini mengikut daya kesediaan yang ada padanya untuk mengulangi jenis manusia, kejadiannya sama sahaja dengan kejadian makhluk-makhluk bernyawa yang lain yang dibekalkan dengan daya-daya kesediaan ini." Pentafsiran ini memerlukan kepada satu pentafsiran yang lain pula. Siapakah yang memasang daya-daya kesediaan padanya? Siapakah yang meletakkan keinginan yang tersembunyi untuk memelihara jenisnya dengan melahirkannya sekali lagi? Siapakah yang meletakkan daya kesediaan itu padanya sedangkan ia amat lemah dan amat kecil? Siapakah yang mengaturkan jalan yang membolehkannya berjalan mengikut jalannya yang betul untuk melaksanakan cita-cita yang terpendam itu? Siapakah yang meletakkan padanya sifat-sifat jenisnya untuk ia ulangkannya kembali? Mengapakah ia ingin begitu dan apakah muslihatnya ia mahu mengulangkan kembali jenisnya dengan sifat-sifat seperti ini? Mungkinkah semua ini berlaku andainya tidak ada iradat Allah yang mentadbirkannya, yang menghendaki sesuatu di sebaliknya, yang menentukan takdirnya dan mengaturkan perjalanannya menuju ke jalan perkembangannya?

Selesai memperkatakan hayat dunia yang berulang-ulang yang tidak dapat diingkarkan oleh sesiapa itu, Al-Qur'an secara langsung memperkatakan pula tentang hayat akhirat:

"Dan sesungguhnya Dialah yang menetapkan kebangkitan semula."(47)

Hakikat Hayat Akhirat

Hayat Akhirat merupakan satu alam yang ghaib, tetapi kemungkinan kewujudannya telah dibuktikan oleh hayat dunia. Tuhan yang berkuasa menjadikan pasangan lelaki dan perempuan dari setitis nutfah yang dipancutkan itu tidak syak lagi berkuasa pula untuk menjadikannya kembali dari tulang-temulangnya yang telah reput itu, kerana tulang-temulangnya yang reput bukannya lebih kecil dari setitis nutfah yang dipancut. Hayat dunia menunjukkan kepada hikmat wujudnya hayat Akhirat. Tadbir Allah Yang Maha Halus yang menyimpan sel hidup yang seni itu (benih lelaki dan perempuan yang bersenyawa) di dalam perjalanannya yang panjang dan sukar sehingga pada akhirnya melahirkan manusia lelaki atau perempuan, maka tadbir Ilahi ini tentulah mempunyai matlamat yang lebih jauh dari hayat di bumi ini di mana sesuatu yang sempurna tidak berlaku, di mana orang yang berbuat kebaikan tidak menerima balasannya dengan sempurna dan di mana orang yang melakukan kejahatan tidak menerima balasannya yang setimpal, kerana dalam pertimbangan tadbir Ilahi kewujudan hayat Akhirat membolehkan segala sesuatu itu mencapai kesempurnaannya. Ini bererti hayat dunia menunjukkan kepada hayat Akhirat, kerana itu hayat dunia disebut dalam ayat ini sebelum hayat akhirat. Dalam hayat dunia dan dalam hayat Akhirat, Allah memberi kekayaan dan harta simpanan kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki dari para hamba-Nya:

"Dan sesungguhnya Dialah yang memberi kekayaan dan harta simpanan."(48)

Maksudnya, Allah memberi kekayaan kepada hamba-hamba yang dikehendaki-Nya, iaitu kekayaan di dalam berbagai-bagai jenis; kekayaan harta benda, kekayaan kesihatan, kekayaan zuriat, kekayaan jiwa, kekayaan fikiran, kekayaan hubungan dengan Allah dan kekayaan bekalan Akhirat yang tidak ada tolok bandingnya. Allahlah yang mengurniakan kekayaan ni'mat di Akhirat kepada hamba-hamba-Nya yang dikehendaki-Nya, dan memberi harta simpanan di dunia kepada hamba-hamba-Nya yang dikehendaki-Nya.

Seluruh makhluk itu miskin belaka dan tidak punya apa-apa. Mereka tidak mempunyai kekayaan dan harta simpanan melainkan kekayaan dan harta simpanan dari khazanah Allah. Ayat ini menarik perhatian manusia kepada kenyataan hidup yang diketahui mereka dan yang dicita-citakan mereka di sana sini supaya mereka memandang kepada sumber kekayaan yang tunggal atau kepada khazanah-khazanah kekayaan Allah yang melimpah-ruah sahaja kerana sumber-sumber dan khazanah-khazanah yang lain adalah kosong belaka.

"Dan sesungguhnya Dialah Tuhan bintang as-Syi'ra."(49)

Bintang asy-Sy'ira ialah sebuah bintang dua puluh kali ganda lebih berat dari matahari, dan cahayanya lima puluh kali ganda lebih kuat dari cahaya matahari, dan jarak jauhnya dari matahari ialah sejuta kali ganda dari jauhnya matahari dari kita. Ada manusia yang menyembah bintang ini dan ada pula yang sentiasa memperhatikan perjalanannya sebagai sebuah bintang yang penting. Penjelasan Al-Qur'an bahawa Allah itu Tuhan Pencipta bintang asy-Sy'ira mempunyai pengertiannya yang penting dalam surah yang dimulakan dengan sumpah Allah dengan bintang ketika ia menurun. Kemudian surah ini memperkatakan tentang perjalanan ke alam al-Mala'ul-A'la, di samping menjelaskan 'aqidah tauhid dan menolak 'aqidah syirik yang lemah dan bertentangan itu.

Dengan penjelasan ini tamatlah satu pusingan penjelajahan yang panjang di dalam jiwa manusia dan di merata pelosok alam untuk dimulakan pula dengan satu pusingan yang lain mengenai umat-umat yang silam yang telah dibinasakan Allah. Mereka diberi amaran oleh rasul-rasul mereka, tetapi mereka mendustakannya sebagaimana telah dilakukan oleh kaum Musyrikin. Ia merupakan satu tinjauan memperhatikan qudrat iradat Allah dan kesan-

kesannya satu demi satu pada umat-umat manusia yang wujud sebelum mereka:

وَأَنَّهُۥٓ أَهۡلَكَ عَادًا ٱلۡأُولَىٰ ﴿٥٠﴾

وَثَمُودَاْ فَمَآ أَبۡقَىٰ ﴿٥١﴾

وَقَوۡمَ نُوحٖ مِّن قَبۡلُۖ إِنَّهُمۡ كَانُواْ هُمۡ أَظۡلَمَ وَأَطۡغَىٰ ﴿٥٢﴾

وَٱلۡمُؤۡتَفِكَةَ أَهۡوَىٰ ﴿٥٣﴾

فَغَشَّىٰهَا مَا غَشَّىٰ ﴿٥٤﴾

فَبِأَيِّ ءَالَآءِ رَبِّكَ تَتَمَارَىٰ ﴿٥٥﴾

"Dan sesungguhnya Dialah yang membinasakan kaum 'Ad yang pertama (kaum Nabi Hud)(50). Dan kaum Thamud (kaum Nabi Soleh) dan tiada seorang pun yang ditinggalkan hidup(51). Juga kaum Nuh sebelum itu, sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang lebih zalim dan lebih melampau lagi(52). Juga negeri Lut yang ditunggang-balikkan. Dialah yang mengangkatnya ke angkasa dan menghempaskannya ke bumi(53). Lalu dia selubungkannya dengan 'azab yang menyeluruh(54). Manakah di antara ni'mat-ni'mat Tuhanmu yang engkau ragui (wahai manusia)?"(55)

Ini merupakan satu tinjauan segera iaitu persinggahan sebentar untuk melihat malapetaka yang membinasakan tiap-tiap umat itu. Ia juga merupakan satu sentuhan yang keras yang mencubitkan perasaan manusia.

Kaum 'Ad, kaum Thamud dan kaum Nuh telah pun dikenali oleh pembaca Al-Qur'an dalam berbagai-bagai ayat yang lain. Dan yang dimaksudkan dengan al-Mu'tafikat ialah kaum Lut. Kata-kata itu berasal dari "الإفك" yang bererti kebohongan, kedustaan dan kesesatan yang telah menjatuhkan mereka ke dalam gaung kebinasaan:

فَغَشَّىٰهَا مَا غَشَّىٰ ﴿٥٤﴾

"Lalu Dia selubungkannya dengan 'azab yang menyeluruh."(54)

Ini adalah satu ungkapan yang menggambarkan betapa dahsyatnya kebinasaan itu menimpa mereka, iaitu satu kebinasaan yang merata dan meliputi segala-galanya.

فَبِأَيِّ ءَالَآءِ رَبِّكَ تَتَمَارَىٰ ﴿٥٥﴾

"Manakah satu diantara ni'mat-ni'mat Tuhanmu yang engkau ragui (wahai manusia)?"(55)

Jadi, kebinasaan umat-umat seperti itu merupakan ni'mat-ni'mat Allah, kerana bukankah Allah telah membinasakan kejahatan? Bukankah Allah menghancurkan kebatilan itu dengan kebenaran, bukankah Allah telah menjadikan kebenaran itu menang dan kebatilan itu musnah dan pupus? Tidakkah Allah telah meninggalkan dalam peristiwa-peristiwa kebinasaan itu bukti-bukti dan pengajaran-pengajaran kepada orang-orang yang ingin berfikir? Bukankah semuanya ini merupakan ni'mat-ni'mat Allah yang besar? Oleh itu:

فَبِأَيِّ ءَالَآءِ رَبِّكَ تَتَمَارَىٰ ﴿٥٥﴾

"Manakah satu di antara ni'mat-ni'mat Tuhanmu yang engkau ragui?"(55)

Ayat ini ditujukan kepada setiap orang, kepada setiap hati dan kepada setiap mereka yang memerhati dan merenungi ciptaan-ciptaan Allah, kerana dia akan melihat ni'mat Allah walaupun dalam peristiwa malapetaka.

Setelah menceritakan kisah-kisah kebinasaan para pendusta di zaman silam yang tidak mengendahkan amaran rasul-rasul mereka selepas meninjau bukti-bukti kehendak iradat Allah dan kesan-kesannya pada diri manusia dan di merata pelosok alam, maka Al-Qur'an membuat pengumuman akhir yang amat kuat dan mendalam seolah-olah satu pekikan yang mengingatkan bahaya sebelum berlakunya Qiamat yang besar:

هَٰذَا نَذِيرٞ مِّنَ ٱلنُّذُرِ ٱلۡأُولَىٰٓ ﴿٥٦﴾

أَزِفَتِ ٱلۡأٓزِفَةُ ﴿٥٧﴾

لَيۡسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ كَاشِفَةٌ ﴿٥٨﴾

"Inilah Rasul pemberi peringatan seperti rasul-rasul yang pertama yang memberi peringatan(56). Masa Qiamat telah hampir(57). Tiada siapa yang dapat mendedahkan masanya selain Allah."(58)

Maksudnya, Muhammad Rasulullah s.a.w. yang kamu ragui kebenaran kerasulannya dan amarannya itu adalah seorang rasul yang memberi peringatan yang sama dengan rasul-rasul pertama yang memberi peringatan yang diikuti akibat-akibatnya, dan hari Qiamat itu telah dekat, iaitu hari kebinasaan yang akan menyapu bersih dan amat dahsyat dan amat menggemparkan, dan kerana hari inilah para rasul telah diutuskan kepada kamu untuk mengingatkan kamu, atau maksudnya, 'azab yang dahsyat itu telah hampir iaitu 'azab yang tidak diketahui jenisnya dan masanya melainkan Allah dan tiada siapa yang dapat menolaknya melainkan Allah:

لَيۡسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ كَاشِفَةٌ ﴿٥٨﴾

"Tiada siapa yang dapat mendedahkan masanya selain Allah."(58)

Walaupun bahaya yang besar itu telah hampir dan Rasul yang memberi peringatan dan nasihat itu menyeru kamu mencari keselamatan, namun kamu masih dalam kelalaian, masih tidak memperhitungkan situasi itu dan masih tidak sedar.

أَفَمِنْ هَٰذَا الْحَدِيثِ تَعْجَبُونَ ﴿٥٩﴾

وَتَضْحَكُونَ وَلَا تَبْكُونَ ﴿٦٠﴾

وَأَنتُمْ سَامِدُونَ ﴿٦١﴾

"Apakah kamu merasa hairan terhadap keterangan ini?(59). Dan kamu ketawa dan tidak menangis(60). Dan kamu terus lalai."(61)

Maksudnya, keterangan Al-Qur'an ini adalah satu keterangan yang serius, yang meletakkan beban-beban kewajipan yang amat besar di atas bahu manusia di samping memimpin mereka kepada satu peraturan hidup yang sempurna. Apakah yang menyebabkan kamu merasa ta'jub? Apakah yang menyebabkan kamu ketawa? Sedangkan keterangan yang tegas dan serius, sedangkan tanggungawab-tanggungawab yang berat dan masa hisab di atas segala amalan yang dilakukan mereka semasa hidup di dunia sepatutnya membuat mereka menangis. Inilah sikap mereka yang lebih wajar dalam menghadapi situasi yang serius dan 'azab sengsara yang dahsyat di sebaliknya itu.

Di sini Al-Qur'an melepaskan seruan yang kuat di telinga dan hati mereka supaya mereka kembali ke pangkal jalan menyelamatkan diri mereka yang sedang berdiri di tepi jurang kebinasaan itu:

"Sujudlah kamu kepada Allah dan beribadatlah kepadanya."(62)

Ini adalah satu seruan dan pekikan yang amat kuat dalam penjelasan dan bayangan ini setelah dikemukakan keterangan pengantar yang panjang menyebabkan hati mereka gementar dan menggigil.

Kerana itu kaum Musyrikin tersujud walaupun mereka berpegang dengan kepercayaan syirik, meragui kebenaran wahyu dan Al-Qur'an dan mempertikaikan Allah dan Rasul-Nya. Mereka sujud kerana kekuatan pengaruh seruan yang amat berkesan yang menyentuh hati mereka ketika mereka mendengar Rasulullah s.a.w. membaca surah ini kepada orang ramai termasuk orang-orang Islam dan kaum Musyrikin, apabila beliau sujud, maka seluruh mereka pun ikut sujud sama ada kaum Muslimin dan kaum Musyrikin. Mereka tidak berdaya melawan kekuatan kesan Al-Qur'an dan pengaruhnya yang hebat. Sejurus kemudian barulah mereka sedar dan mereka kehairanan mengapa mereka juga turut sujud sebagaimana mereka hairankan ketika mereka sujud itu.

Inilah cerita yang dithabitkan oleh riwayat-riwayat yang mutawatir, kemudian riwayat-riwayat itu telah berselisih dalam mentafsirkan sebab musabab yang menimbulkan peristiwa yang aneh ini, sedangkan yang sebenarnya tidak aneh kerana itulah kekuatan kesan Al-Qur'an yang mena'jubkan dan pengaruhnya yang kuat di dalam hati manusia.

******

Hakikat حديث الغرانق

Dulu peristiwa orang-orang Musyrikin turut sujud bersama-sama kaum Muslimin yang disabitkan dengan riwayat-riwayat yang mutawatir itu pada saya merupakan satu peristiwa yang memerlukan kepada penerangan, iaitu sebelum berlaku kepada saya satu pengalaman yang khusus yang telah dapat menjelaskan sebab yang sebenar bagi peristiwa itu.

Saya telah menatap semua riwayat-riwayat dusta yang terkenal dengan nama Hadith al-Gharaniq (hadith berhala-berhala) yang telah disebut oleh Ibn Sa'd dalam kitab Tabaqatnya dan ibn Jarir at-Tabari dalam kitab sejarahnya dan disebut oleh setengah-setengah Mufassirin ketika mentafsirkan firman Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ مِن رَّسُولٍ وَلَا نَبِيٍّ إِلَّا إِذَا تَمَنَّىٰ أَلْقَى الشَّيْطَانُ فِي أُمْنِيَّتِهِ فَيَنسَخُ اللَّهُ مَا يُلْقِي الشَّيْطَانُ ثُمَّ يُحْكِمُ اللَّهُ آيَاتِهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٢﴾

"Dan tidaklah Kami utuskan sebelummu seorang rasul atau seorang Nabi melainkan apabila dia bercita-cita (supaya kaumnya beriman), nescaya syaitan mencampakkan (hasutan-hasutan dan halangan-halangan) pada cita-cita itu, lalu Allah menghapuskan hasutan dan halangan yang dicampakkan syaitan itu, kemudian Allah mengukuhkan ayat-ayatnya, dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."

(Surah al-Hajj: 52)

Itulah riwayat-riwayat yang diulas ibn Kathir - semoga Allah balaskannya dengan kebajikan tetapi semuanya (riwayat-riwayat itu) datang dari sanad-sanad yang mursal (putus yakni tidak menyebut sahabat yang meriwayatkan hadith itu dari Rasulullah s.a.w.) dan saya juga dapati bahawa riwayat-riwayat itu tidak mempunyai sanad-sanad mengikut cara yang betul."

Riwayat-riwayat yang paling terperinci dan paling sedikit terjerumus dalam kekarutan dan pembohongan terhadap Rasulullah s.a.w. ialah riwayat Ibn Abu Hatim katanya: "Kami telah diceritakan oleh Musa ibn Abu Musa al-Kufi, kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Ishaq as-Syayby, kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Fulayh dari Musa ibn 'Uqbah dari Ibn Syihab katanya: Apabila Surah an-Najm ini diturunkan, kaum Musyrikin bersungut: "Jika orang ini (Muhammad) menyebut tuhan-tuhan kita dengan baik tentulah kita boleh lakukannya dan sahabat-sahabatnya, tetapi dia tidak menyebut tentang orang-orang Yahudi dan Nasara yang menyalahi agamanya seperti dia

sebutkan maki hamun terhadap tuhan-tuhan kita." Rasulullah s.a.w. dan sahabat-sahabatnya ketika itu semakin kuat menerima gangguan dan pembohongan dari kaum Musyrikin dan beliau sangat dukacita di atas kesesatan mereka dan bercita-cita supaya Allah memberi hidayat kepada mereka. Oleh itu, apabila Allah menurunkan Surah an-Najm ayat:

أَفَرَءَيْتُمُ ٱللَّٰتَ وَٱلْعُزَّىٰ ﴿١٩﴾

وَمَنَوٰةَ ٱلثَّالِثَةَ ٱلْأُخْرَىٰٓ ﴿٢٠﴾

"Apakah wajar kamu menganggap al-Laat dan al-'Uzza?(19). Dan satu lagi Manat yang ketiganya (sebagai puteri-puteri Allah)?"(20)

maka syaitan campakkan beberapa kalimat selepas Allah menyebut tuhan-tuhan palsu itu (yakni sebagai sambungan ayat 19 - 20 tadi):

وإنهن لهن الغرانيق العلى ، وإن شفاعتهن لهي التي ترتجى ..

"Sesungguhnya mereka mempunyai berhala-berhala yang maha tinggi dan syafa'at mereka sangat diharap-harapkan."

Rangkaian kata-kata itu dari sajak syaitan dan godaannya. Kesan kedua-dua rangkaian kata-kata tambahan syaitan ini amat menarik hati setiap orang Musyrik di Makkah dan mereka mengalu-alukannya dengan gembira dan sukacita dan mereka berkata: "Muhammad telah balik kepada agamanya yang asal dan kepada agama kaumnya..." Dan apabila bacaan Rasulullah s.a.w. sampai kepada akhir ayat Surah an-Najm:

"Sujudlah kamu kepada Allah dan beribadatlah kepada-Nya"(62)

beliau pun sujud diikuti sidang hadirin yang terdiri dari kaum Muslimin dan kaum Musyrikin. Tetapi oleh sebab al-Walid ibn al-Mughirah seorang tua, dia hanya mengambil segenggam tanah dan sujud di atasnya, lalu kedua-dua golongan itu masing-masing merasa hairan kerana ikut sujud bersama Rasulullah s.a.w. Bagi orang-orang Islam mereka merasa hairan kerana orang-orang Musyrikin turut sujud bersama mereka sedangkan mereka tidak beriman dan percaya. Orang-orang Islam sendiri tidak mendengar rangkaian kata-kata yang dicampakkan syaitan ke dalam pendengaran kaum Musyrikin itu. Oleh itu, kaum Musyrikin merasa yakin apabila syaitan mencampakkan ke dalam cita-cita Rasulullah s.a.w. dan memberitahukannya kepada mereka bahawa Rasulullah s.a.w telah membaca rangkaian kata-kata (tambahan syaitan itu) di dalam surah ini, lalu mereka pun sujud untuk menghormati tuhan-tuhan mereka. Kemudian cerita ini tersebar di kalangan orang ramai dan syaitan telah menzahirkan cerita ini sehingga sampai ke negeri Habsyah dan kepada orang-orang Islam yang tinggal di sana iaitu 'Uthman ibn Maz'un dan rakan-rakannya dan mereka pun bercakap-cakap bahawa seluruh penduduk Makkah kini telah memeluk Islam, dan mereka bersembahyang bersama Rasulullah s.a.w. begitu juga cerita al-Walid ibn al-Mughirah yang sujud di atas segenggam tanah di atas tapak tangannya telah sampai kepada mereka. Mereka juga menceritakan bahawa sekarang orang-orang Islam di Makkah dapat hidup dalam keamanan, lalu mereka pun datang ke Makkah dengan segera. Allah telah menghapuskan rangkaian kata-kata tambahan yang dicampakkan syaitan itu dan mengukuhkan ayat-ayatnya dan memeliharanya dari segala pembohongan, dan berfirman:

وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ مِن رَّسُولٍ وَلَا نَبِيٍّ إِلَّآ إِذَا تَمَنَّىٰٓ أَلْقَى ٱلشَّيْطَٰنُ فِىٓ أُمْنِيَّتِهِۦ فَيَنسَخُ ٱللَّهُ مَا يُلْقِى ٱلشَّيْطَٰنُ ثُمَّ يُحْكِمُ ٱللَّهُ ءَايَٰتِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٢﴾

"Dan tidakkah Kami utuskan sebelummu seorang rasul atau seorang Nabi melainkan apabila dia bercita-cita (supaya kaumnya beriman), nescaya syaitan mencampakkan (bisikan fitnahnya) pada cita-cita itu, lalu Allah menghapuskan bisikan fitnah yang dicampakkan syaitan itu, kemudian Allah mengukuhkan ayat-ayatnya, dan Allah itu Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."

(Surah al-Hajj: 52)

Dan apabila Allah menerangkan keputusan-Nya dan membersihkan ayat-ayatnya dari sajak syaitan itu, maka orang-orang Musyrikin pun balik semula kepada kesesatan dan kepada permusuhan yang lebih ketat terhadap orang-orang Islam.... (Tamat petikan).

Di sana terdapat riwayat-riwayat lain yang lebih berani membuat pembohongan dengan menghubungkan perkataan tentang berhala-berhala itu kepada Rasulullah s.a.w. sendiri dan menerangkan bahawa ini dilakukan atas keinginan beliau - Allah jauhkannya dari Rasulullah s.a.w. - dengan tujuan untuk mengambil hati dan berbaik-baik dengan mereka.

Dari awal lagi saya menolak segala riwayat-riwayat itu, kerana di samping riwayat-riwayat itu bertentangan dengan dasar *"Ismat an-Nubuwwah"*[9] (kemaksuman Nabi) dan dasar Al-Qur'an itu terpelihara dari segala pencabulan dan pengubahan, maka pembicaraan surah itu sendiri menolak riwayat-riwayat itu dengan setegas-tegasnya, kerana tujuan surah ini ialah untuk melemahkan 'aqidah kaum Musyrikin yang mempercayai tuhan-tuhan itu dan melemahkan dongeng-dongeng mereka tentang tuhan-tuhan itu, oleh itu, tidak ada ruang untuk memasukkan dua rangkaian kata-kata itu di dalam pembicaraan surah ini dengan apa cara sekalipun

---

[9] عصمة النبوة

walaupun atas pendapat mereka yang mengatakan bahawa dua rangkaian kata-kata itu dicampakkan oleh syaitan ke dalam pendengaran orang-orang Musyrikin sahaja dan tidak ke dalam pendengaran orang-orang Mu'min kerana orang-orang Musyrikin itu adalah orang-orang Arab yang sangat memahami bahasa mereka. Apabila mereka mendengar dua rangkaian kata-kata yang datang secara mendadak itu kemudian mendengar pula ayat-ayat berikut:

أَلَكُمُ ٱلذَّكَرُ وَلَهُ ٱلْأُنثَىٰ ﴿٢١﴾
تِلْكَ إِذًا قِسْمَةٌ ضِيزَىٰٓ ﴿٢٢﴾
إِنْ هِىَ إِلَّآ أَسْمَآءٌ سَمَّيْتُمُوهَآ أَنتُمْ وَءَابَآؤُكُم مَّآ أَنزَلَ ٱللَّهُ بِهَا مِن سُلْطَٰنٍ ۚ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَمَا تَهْوَى ٱلْأَنفُسُ ۖ وَلَقَدْ جَآءَهُم مِّن رَّبِّهِمُ ٱلْهُدَىٰٓ ﴿٢٣﴾

"Apakah wajar untuk kamu anak lelaki dan untuk Allah anak perempuan?(21). Itu adalah satu pembahagian yang tidak adil(22). Semua (berhala-berhala) itu hanya nama-nama yang dinamakan kamu dan datuk nenek kamu sahaja, sedangkan Allah tidak menurunkan sebarang hujah yang membenarkannya? Mereka tidak lain melainkan hanya menurut sangkaan dan keinginan hawa nafsu sahaja, sedangkan hidayat telah pun datang kepada mereka dari Tuhan mereka."(23)

Dan kemudian mereka mendengar pula selepas ayat itu ayat-ayat berikut:

إِنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ لَيُسَمُّونَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ تَسْمِيَةَ ٱلْأُنثَىٰ ﴿٢٧﴾
وَمَا لَهُم بِهِۦ مِنْ عِلْمٍ ۖ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ ۖ وَإِنَّ ٱلظَّنَّ لَا يُغْنِى مِنَ ٱلْحَقِّ شَيْـًٔا ﴿٢٨﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada Akhirat sahajalah yang tergamak menamakan malaikat-malaikat itu dengan nama perempuan(27). Sedangkan mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenainya. Mereka tidak lain melainkan hanya menurut sangkaan sahaja dan sesungguhnya sangkaan itu tidak berguna sedikit pun untuk mengambil tempat kebenaran."(28)

Dan sebelum ayat-ayat ini mereka telah pun mendengar ayat:

وَكَم مِّن مَّلَكٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ لَا تُغْنِى شَفَٰعَتُهُمْ شَيْـًٔا إِلَّا مِنۢ بَعْدِ أَن يَأْذَنَ ٱللَّهُ لِمَن يَشَآءُ وَيَرْضَىٰٓ ﴿٢٦﴾

"Berapa ramaikah malaikat-malaikat di langit yang syafa'at mereka tidak mendatangkan sebarang faedah kecuali setelah Allah mengizinkan kepada siapa yang dikehendaki dan diredhai-Nya?"(26)

apabila mereka mendengar pembicaraan ayat-ayat ini semua, maka tentulah mereka tidak akan sujud bersama Rasulullah s.a.w., kerana percakapan itu tidak selaras dan kerana pujian-pujian terhadap tuhan-tuhan mereka yang dapat memberi syafa'at yang diharap-harapkan itu juga tidak selaras. Mereka bukannya bodoh seperti orang-orang yang mereka-rekakan riwayat-riwayat ini yang telah diterima oleh orientalis-orientalis dengan tujuan yang jahat atau dengan sebab kejahilan mereka.

Oleh kerana itu, tentulah ada sebab yang lain dari sebab ini yang mendorong kaum Musyrikin itu sujud, dan mendorong orang-orang Islam yang berhijrah ke negeri Habsyah pulang ke Makkah sebentar dan kemudian kembali semula ke Habsyah bersama orang-orang Islam yang lain.

Di sini tidak ada ruang untuk diselidik-pastikan sebab yang sebenar yang mendorong orang-orang Muhajirin itu pulang ke Makkah dan kemudian kembali semula ke Habsyah bersama-sama orang-orang Islam yang lain. Hanya masalah sujud sahaja yang kita hendak bicarakan di sini.

Saya terhenti lama juga untuk mencari sebab yang mendorongkan orang-orang kafir itu sujud bersama, dan terlintas dalam hati saya kemungkinan bahawa peristiwa sujud itu tidak berlaku. Cuma ada satu riwayat yang disebut untuk menerangkan sebab kepulangan orang-orang Muhajirin dari negeri Habsyah selepas kira-kira dua atau tiga bulan, dan riwayat ini juga memerlukan penjelasan.

Di dalam masa inilah berlaku kepada saya satu pengalaman yang khusus yang telah saya sebutkan sebelum ini.

Saya sedang berbual bersama-sama sahabat teman apabila kami mendengar suara orang membaca Al-Qur'an dari dekat. Dia kebetulan membaca Surah an-Najm, dan perbualan kami pun putus untuk mendengar bacaan Al-Qur'anul-Karim itu. Suara qarinya amat menarik. Dia membaca dengan tartil yang indah.

Sedikit demi sedikit saya hayati bersama qari itu dalam setiap ayat yang dibacakannya. Saya hayati bersama Nabi Muhammad s.a.w. dalam perjalanannya ke alam al-Mala'ul-A'la..... saya hayati bersama beliau ketika beliau melihat Jibril a.s. dalam rupa paras kemalaikatannya yang asli. Itulah satu peristiwa yang menakjub dan mengharu apabila direnungi dan dikhayalkan oleh seseorang. Saya hayati bersama beliau dalam perjalanannya di alam tinggi yang luas saujana hingga ke Sidratul-Muntaha dan Jannatul-Ma'wa... Saya hayati bersama beliau sekadar kemampuan daya imaginasi dan pandangan saya dan sekadar kemampuan perasaan-perasaan saya.

Saya ikuti bersama beliau dalam merasakan kekarutan dongeng-dongeng kaum Musyrikin tentang malaikat yang disembah mereka dan yang dipercayakan mereka sebagai puteri Allah dan sebagainya dari sembahan-sembahan karut yang

melucukan dan 'aqidah-'aqidah salah yang runtuh dengan sekali sentuh sahaja.

Saya berdiri di hadapan makhluk insan yang diciptakan dari tanah, dan di hadapan janin-janin di dalam rahim-rahim ibu yang diikuti dan diliputi oleh ilmu Allah.

Seluruh diri saya gementar menghadapi sentuhan-sentuhan ayat yang berturut-turut di bahagian akhir surah ini iaitu sentuhan mengenai alam ghaib yang terlindung dan yang tidak dapat dilihat melainkan hanya Allah, sentuhan mengenai amalan-amalan manusia yang tidak terluput dari hisab dan balasan Allah, sentuhan yang menegaskan bahawa setiap jalan yang diikuti hamba akan berakhir kepada Allah, sentuhan tentang orang-orang yang ketawa dan menangis, tentang angkatan-angkatan orang yang hidup dan angkatan-angkatan orang yang mati, tentang nutfah yang dapat berjalan mengikut jalan-jalan perkembangannya yang betul di dalam gelap-gelita rahim, iaitu nutfah yang dapat mengatur langkah-langkahnya untuk melahirkan rahsia-rahsianya dan akhirnya ia muncul menjadi seorang anak lelaki atau anak perempuan, juga sentuhan mengenai hidup di alam Akhirat, mengenai kebinasaan umat-umat yang dahulukala dan umat yang ditunggang-balikkan negeri mereka dan diselubungi dengan kemusnahan yang menyeluruh.

Kemudian saya mendengar suara amaran terakhir sebelum berlakunya malapetaka yang dahsyat:

هَٰذَا نَذِيرٌ مِّنَ ٱلنُّذُرِ ٱلْأُولَىٰٓ ﴿٥٦﴾
أَزِفَتِ ٱلْـَٔازِفَةُ ﴿٥٧﴾
لَيْسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ كَاشِفَةٌ ﴿٥٨﴾

"Inilah Rasul pemberi peringatan seperti rasul-rasul yang pertama yang memberi peringatan(56). Masa Qiamat telah hampir(57). Tiada siapa yang dapat mendedahkan masanya selain Allah."(58)

Kemudian terdengar pula pekikan terakhir dan seluruh diri saya semakin gementar menghadapi kecaman-kecaman yang menakutkan:

أَفَمِنْ هَٰذَا ٱلْحَدِيثِ تَعْجَبُونَ ﴿٥٩﴾
وَتَضْحَكُونَ وَلَا تَبْكُونَ ﴿٦٠﴾
وَأَنتُمْ سَٰمِدُونَ ﴿٦١﴾

"Apakah kamu merasa hairan terhadap keterangan ini?(59). Dan kamu ketawa dan tidak menangis(60). Dan kamu terus lalai."(61)

Dan apabila saya mendengar ayat:

"Sujudlah kamu kepada Allah dan beribadatlah kepada-Nya."(62)

maka perasaan gementar itu terus menjalar dari hati saya ke seluruh urat saraf saya menyebabkan seluruh anggota lahir saya menggigil begitu jelas, saya tidak dapat mengawalkannya lagi. Badan saya terketar-ketar dan saya tidak dapat lagi menenangkannya, saya tidak berdaya menahan titisan air mata yang lebat walaupun saya cuba bersungguh-sungguh.

Dan di sa'at inilah saya sedar bahawa peristiwa sujud itu memang benar dan sebabnya amat dekat, iaitu ia terletak pada pengaruh dan kekuatan Al-Qur'an yang mena'jubkan itu sendiri, ia terletak pada ayat-ayatnya dan nada-nadanya yang mengocakkan perasaan ketika membicarakan surah ini. Ini bukanlah kali pertama saya membaca Surah an-Najm atau mendengarnya, tetapi pada kali ini ia telah mencetuskan kesan yang sedemikian besar dan menyebabkan saya menyambutnya dengan perasaan yang sedemikian terharu. Itulah rahsia Al-Qur'an. Di sana ada masa-masa khusus atau istimewa yang tidak disangka-sangka yang menyentuh ayat atau surah yang dapat mencetuskan sambutan yang mendalam itu, dan sentuhan itu terus menyambungkan hati seseorang dengan Allah yang menjadi punca kekuatan ayat dan di waktu ini berlakulah apa yang telah berlaku.

Masa istimewa inilah yang telah menyentuh sidang hadirin sekalian pada hari Nabi Muhammad s.a.w. membaca surah ini dengan penuh perasaannya. Beliau menghayati gambaran-gambaran Al-Qur'an yang telah dihayatinya sebelum ini. Dan seluruh kekuatan yang tersirat di dalam surah itu mengalir di dalam suara Nabi s.a.w. dan mencurah ke dalam urat saraf para pendengarnya menyebabkan mereka gementar, dan apabila mereka mendengar:

"Sujudlah kamu kepada Allah dan beribadatlah kepada-Nya."(62)

dan melihat beliau sujud yang diikuti kaum Muslimin, maka mereka (kaum Musyrikin) pun ikut tersujud.

Mungkin ada orang berkata: "Anda hanya membandingkan dengan detik masa yang dilalui anda dan dengan pengalaman yang dihayati anda sahaja. Sebagai seorang Muslim tentulah anda percaya kepada gambaran Al-Qur'an dan percaya bahawa Al-Qur'an itu mempunyai kesan yang istimewa kepada diri anda, sedangkan kaum Musyrikin itu menolak keimanan dan menolak Al-Qur'an!"

Ada dua pertimbangan yang kuat untuk menjawab pendapat ini:

Pertimbangan pertama, orang yang membaca Surah an-Najm itu ialah Nabi Muhammad s.a.w. sendiri yang telah menerima Al-Qur'an ini secara langsung dari

sumbernya. Beliau telah menghayati Al-Qur'an ini dan hidup dengannya. Beliau begitu kasih kepada Al-Qur'an sehingga langkahnya menjadi berat apabila beliau mendengar ada orang sedang membaca Al-Qur'an di rumahnya. Beliau terpaksa berhenti dekat pintu rumah itu mendengar bacaan itu sehingga habis. Dan di dalam surah ini sendiri beliau menghayati sa'at-sa'at yang dihayatinya di alam al-Mala'ul-A'la dan sa'at-sa'at yang beliau hayatinya bersama ar-Ruhul-Amin (Jibril) yang disaksikan beliau dalam rupa paras aslinya. Tetapi saya hanya mendengar surah ini dari seorang qari dan tentulah perbezaan ini amat besar.

Pertimbangan yang kedua ialah hati kaum Musyrikin itu sendiri tidak selamat dari perasaan gementar dan geletar apabila mereka mendengar percakapan Nabi Muhammad s.a.w. Cumanya sikap mereka yang berpura-pura degil itulah yang menghalangi mereka dari membuat pengakuan yang sebenar. Dua peristiwa yang berikut ini membuktikan bagaimana hati kaum Musyrikin itu menggeletar dan takut.

Cerita 'Utbah Anak Abu Lahab Dimakan Singa

Ibn 'Asakir telah meriwayatkan terjemahan riwayat hidup 'Utbah ibn Abu Lahab dari saluran Muhammad ibn Ishaq dari 'Uthman ibn 'Urwah, dari Ibn az-Zubayr dari bapanya dari Hannad ibn al-Aswad katanya: Adalah Abu Lahab dan anaknya bersiap untuk berangkat ke Syam dan aku pun turut bersiap bersama mereka. Lalu anaknya 'Utbah berkata: "Demi Allah, aku akan pergi menemui Muhammad dan hamba akan sakitkan hatinya mengenai Tuhannya (Allah S.W.T.)". Lalu 'Utbah pun keluar mendapatkan Rasulullah s.a.w. dan berkata: "Wahai Muhammad! Dia tidak percaya cerita malaikat yang mendekatimu semakin dekat sehingga menjadi sedekat dua hujung busur panah atau lebih dekat dari itu lagi". Lalu Nabi pun bersabda:

اللهم سلط عليه كلباً من كلابك

"Ya Allah! Lepaskan ke atasnya seekor anjing dari anjing-anjing ciptaan-Mu."

Kemudian 'Utbah meninggalkan beliau dan pulang mendapatkan bapanya, lalu bapanya bertanya: "Wahai anakku: Apakah engkau kata kepadanya?" 'Utbah pun menceritakan kepadanya apa yang telah dikatakannya kepada beliau. Kemudian bapanya bertanya lagi: "Apakah dia katakan kepadamu?" Jawab 'Utbah: Dia kata: "Ya Allah! Lepaskan ke atasnya seekor anjing dari anjing-anjing ciptaan-Mu." Lalu Abu Lahab pun berkata: "Wahai anakku! Demi Allah aku merasa engkau tidak aman dari akibat do'anya terhadap-mu." Lalu kami pun bertolak meneruskan perjalanan kami sehingga kami singgah di Abra[10] yang terletak di Suddah[11], dan kami berhenti di sebuah biara seorang paderi, lalu paderi itu pun berkata: "Wahai orang-orang Arab! Apakah sebab kamu hendak berhenti di negeri ini, kerana di sini singa-singa berkeliaran seperti kambing." Abu Lahab pun merayu: Tuan-tuan sekalian tahu bahawa umur saya sudah tua dan tahu tentang hak kedudukan saya. Lelaki ini (Muhammad) telah mendo'akan supaya anak saya binasa, dan demi Allah saya merasa tidak aman terhadap keselamatannya, oleh kerana itu kumpulkanlah barang-barang tuan-tuan di biara ini dan hamparkan tempat tidur untuk anak saya di atas timbunan barang-barang itu. Kemudian hamparkanlah tempat-tempat tidur kamu di sekelilingnya." Lalu kami pun berbuat demikian. Kemudian datanglah seekor singa, lalu mencium muka-muka kami. Dan setelah ia tidak mendapat apa yang dikehendakinya ia pun melompat ke atas timbunan barang-barang itu dan mencium muka 'Utbah kemudian terus menyerangnya sehingga putus kepalanya. Kata Abu Lahab: "Aku tahu dia tidak akan terlepas dari do'a Muhammad."

Ini adalah peristiwa yang pertama yang telah berlaku kepada Abu Lahab musuh ketat Nabi Muhammad s.a.w. Dia sentiasa menentang dan merancangkan komplot-komplot yang jahat terhadap beliau. Dan dialah orang yang disebut namanya di dalam Al-Qur'an di samping ahli rumahnya:

تَبَّتْ يَدَآ أَبِى لَهَبٍ وَتَبَّ ﴿١﴾
مَآ أَغْنَىٰ عَنْهُ مَالُهُۥ وَمَا كَسَبَ ﴿٢﴾
سَيَصْلَىٰ نَارًا ذَاتَ لَهَبٍ ﴿٣﴾
وَٱمْرَأَتُهُۥ حَمَّالَةَ ٱلْحَطَبِ ﴿٤﴾
فِى جِيدِهَا حَبْلٌ مِّن مَّسَدٍۭ ﴿٥﴾

"Binasalah dua tangan Abu Lahab dan sesungguhnya ia tetap binasa(1). Ia tidak dapat ditolong hartanya dan segala usahanya(2). Ia akan merasa api Neraka yang mempunyai pucuk yang marak bernyala(3). Dan juga isterinya pembawa kayu api(4). Di lehernya (terikat) tali dari sabut yang terpintal kukuh."(5)

(Surah al-Masad)

Itulah perasaan Abu Lahab yang sebenar terhadap Muhammad dan perkataan Muhammad, dan itulah perasaan takut dan gementarnya kepada do'a Nabi Muhammad s.a.w. terhadap anaknya.

Peristiwa yang kedua adalah berlaku kepada 'Utbah ibn Abu Rabi'ah. Dia telah diutuskan kaum Quraysy kepada Nabi Muhammad s.a.w. untuk berunding dengan beliau supaya beliau berhenti melakukan perkara-perkara yang memecah-belahkan kaum Quraysy dan perbuatan mencela tuhan-tuhan mereka. Dan untuk maksud itu mereka sanggup memberikan kepada beliau apa sahaja yang dikehendaki beliau sama ada harta kekayaan, pangkat kebesaran menjadi ketua atau perkahwinan setelah selesai

---

[10] أبراه
[11] سدة

mengemukakan tawanannya, Rasulullah s.a.w. pun bertanya: Sudah habiskan: Wahai Abut Walid?" Jawab 'Utbah: 'Ya sudah." Rasulullah s.a.w. pun berkata: "Dengarlah kata-kata dariku!" Jawab 'Utbah: "Sila!" Lalu Nabi pun membaca:

حمٓ ﴿١﴾

تَنزِيلٌ مِّنَ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٢﴾

كِتَٰبٌ فُصِّلَتۡ ءَايَٰتُهُۥ قُرۡءَانًا عَرَبِيًّا لِّقَوۡمٍ يَعۡلَمُونَ ﴿٣﴾

بَشِيرًا وَنَذِيرًا فَأَعۡرَضَ أَكۡثَرُهُمۡ فَهُمۡ لَا يَسۡمَعُونَ ﴿٤﴾

"Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih. Haa Miim (Al-Qur'an ini) diturunkan dari Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih. Sebuah kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya, satu bacaan di dalam bahasa Arab untuk orang-orang yang mengetahuinya, yang menyampaikan berita-berita gembira dan menyampaikan peringatan-peringatan, tetapi kebanyakan mereka berpaling darinya, mereka tidak mahu mendengarnya."

(Surah Fussilat: 1-4)

Kemudian Rasulullah s.a.w. terus membaca sehingga kepada ayat:

فَإِنۡ أَعۡرَضُواْ فَقُلۡ أَنذَرۡتُكُمۡ صَٰعِقَةً مِّثۡلَ صَٰعِقَةِ عَادٍ وَثَمُودَ ﴿١٣﴾

"Dan jika mereka berpaling, maka katakanlah aku telah memperingatkan kamu dengan 'azab petir seperti petir yang menyambar 'Ad dan Thamud."

(Surah Fussilat: 13)

Sampai di sini 'Utbah pun bangun memegang mulut Nabi Muhammad s.a.w. dengan penuh ketakutan sambil berkata: "Saya minta dan bersumpah atas nama menjaga hubungan rahim supaya anda berhenti membaca." Setelah itu 'Utbah pulang mendapatkan kaum Quraysy dan menceritakan kepada mereka apa yang telah berlaku kepadanya, kemudian dia berkata: "Kamu tentulah tahu bahawa Muhammad itu tidak bohong apabila ia katakan sesuatu, kerana itu aku takut kamu ditimpakan 'azab."[12]

Ini adalah perasaan seorang tokoh yang belum memeluk Islam. Dia nampak jelas, menunjukkan perasaan takut dan gementar, juga menunjukkan perasaan terpengaruh yang terpendam terhadap Al-Qur'an walaupun ia degil dan angkuh.

Orang-orang yang seperti ini apabila mendengar Surah an-Najm dari Nabi Muhammad s.a.w., maka kemungkinan yang hampir ialah hati mereka mungkin kebetulan berada dalam detik waktu khusus yang dapat menyambut baik Al-Qur'an itu hingga tidak dapat ditahan-tahan oleh mereka. Dan mereka terpesona dengan kekuatan pengaruh Al-Qur'an itu hingga tersujud bersama-sama kaum Muslimin yang sujud. Inilah pentafsiran peristiwa sujud itu tanpa memerlukan riwayat yang menyebut sajak syaitan yang memuji berhala-berhala itu dan lain-lain riwayat yang dibuat oleh pendusta-pendusta.

******

[12] *Disaringkan dari berbagai-bagai riwayat.*